

Jilid II
Bil. 50



MALAYSIA

Hari Jumaat
12hb November, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

**Y.B. Tuan Azahari bin Md. Taib—Mempengerusikan Mesyuarat di bawah
Peraturan Mesyuarat 7 (3) [Ruangan 5189]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5189]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 [Ruangan 5189]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1977 [Ruangan 5210]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIANG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

- Yang Berhormat TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 12hb November, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN YANG DI-
PERTUA

**Y.B. TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB—
MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT DI
BAWAH PERATURAN MESYUARAT
7 (3)**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua tidak dapat hadir pada hari Isnin dan Selasa minggu hadapan, 15hb dan 16hb November, 1976 maka mengikut Peraturan Mesyuarat 7 (3), saya telah meminta Yang Berhormat Ahli dari Kulim Bandar Bahru, Tuan Azahari bin Md. Taib membantu saya mempengerusikan mesyuarat pada bila-bila masa yang diperlukan. Terima kasih.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PEMBANGUNAN DI NEGERI-NEGERI
KURANG MAJU**

1. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada benar bahawa Yunit Perancang Ekonomi di Jabatannya telah tidak memberi sebarang perhatian secara menyeluruh dalam hal pembangunan ekonomi negeri terutama sekali negeri-negeri Kelantan, Trengganu, Kedah, Perlis dan lain-lain negeri yang mundur, tetapi Yunit tersebut hanya meneruskan kerja merancang pembangunan di negeri-negeri yang sedia maju sahaja. Dalam hal ini Pulau Pinang diberi perhatian utama. Jika benar, mengapa.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong

Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat itu kepada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ketika membentangkan usul dalam Sidang Parlimen pada 19hb Julai, 1976, mengenai Rancangan Malaysia Ketiga. Ketika itu beliau telah menegaskan bahawa perhatian yang lebih besar adalah diberikan kepada negeri-negeri yang kurang maju seperti Negeri-negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Trengganu, Melaka, Sabah dan Sarawak. Tujuannya ialah untuk mempercepatkan lagi pembangunan di negeri-negeri tersebut dan untuk mengurangkan jurang perbezaan ekonomi di kalangan negeri-negeri di negara ini. Seperti mana jua yang dapat dilihat oleh Ahli Yang Berhormat itu, dasar ini jelas dicerminkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Dengan hal yang demikian, adalah tidak benar untuk mengatakan bahawa perhatian utama hanya diberikan kepada negeri-negeri yang memang telah sedia maju.

**PELAJARAN TEKNIKAL DAN
VOKESYENAL**

2. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pelajaran menyatakan dengan jelasnya langkah-langkah yang Kementerian beliau sedang ambil untuk menyejajarkan latihan dan pengajaran teknikal dan vokesyenal di negara kita.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang memandang berat terhadap pelajaran teknikal dan vokesyenal. Untuk menyejajarkan latihan dan pengajaran teknikal dan vokesyenal Kementerian Pelajaran sentiasa menambahkan sekolah-sekolah menengah yang memberi pelajaran sedemikian. Pada masa ini terdapat 21 buah sekolah yang memberi latihan dan pengajaran vokesyenal. Bilangan sekolah vokesyenal bertambah dari setahun ke setahun, dan di jangka

menjadi 30 buah dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Sehingga tahun 1976 ini terdapat sejumlah 9 buah Sekolah Menengah Teknik.

Bilangan penuntut yang diterima masuk juga bertambah dari setahun ke setahun dan sekarang ini terdapat lebih kurang 10 ribu orang penuntut yang mengikuti kursus vokesyenal dalam jurusan berikut:

- (a) Pertukangan—7 jurusan
- (b) Pertanian
- (c) Perdagangan
- (d) Sains Rumahtangga

Sementara itu jumlah penuntut-penuntut di Sekolah Menengah Teknik pula ialah seramai 4,828 yang sedang mengikuti kursus-kursus seperti berikut:

- (a) Kursus Civil
- (b) Kursus Jentera
- (c) Kursus Perdagangan
- (d) Kursus Pertanian.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan Tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan samada Kerajaan ada rancangan untuk membina sekolah vokesyenal di kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang semua sekolah-sekolah vokesyenal sebahagian besarnya adalah terdiri di bandar tetapi ada juga satu dua ditempatkan di luar bandar. Walau bagaimanapun, oleh kerana kemudahan pengangkutan dan sebagainya, pada masa sekarang kita cuma dapat sebahagian besar ditempatkan sekolah-sekolah vokesyenal di bandar dahulu.

PERKHIDMATAN KERETAPI TANAH MELAYU

3. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu telah mendapat keuntungan pada tahun ini, jika sedar:

- (a) berapakah untung atau rugi di dalam tahun 1972, 1973, 1974, 1975 dan 1976; dan

- (b) apakah rancangan beliau bagi memajukan perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tertaklok kepada pemeriksaan audit yang terakhir kerugian yang dialami bagi tiap-tiap tahun ialah seperti berikut:

1973	...	...	...	\$ 5.09 juta
1974	...	...	...	\$ 7.92 juta
1975	...	...	...	\$15.26 juta

Tahun 1976 belum lagi habis dan oleh itu angka-angka untuk tahun ini belum lengkap. Walau bagaimanapun angka-angka permulaan menunjukkan bahawa sehingga bulan September 1976 hasil gerakan ialah sebanyak \$71.76 juta dan perbelanjaan gerakan ialah \$65.47 juta. Ini bermakna sejumlah \$6.29 juta adalah hasil yang berlebihan.

- (b) Rancangan bagi memajukan perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu ialah seperti berikut:

- (1) Pembelian gerabak-gerabak, ran-kabawah dan injin untuk mengganti gerabak-gerabak yang lama dan menambah bekalan gerabak-gerabak dan injin. Gerabak-gerabak yang akan dibeli ini ialah untuk mengangkut barang-barang seperti minyak petrol, getah cair, minyak kelapa sawit dan kontena.
- (2) Membuat kajian kemungkinan untuk membaharui dan menempatkan semula pusat-pusat trafik yang penting serta mengadakan "Internal Container Depots" di kawasan keretapi yang mustahak bagi mengendalikan trafik kontena.
- (3) Oleh kerana Pelabuhan Kuantan akan dibina dan kemajuan perindustrian akan digalakkan di kawasan Pantai Timur satu kajian yang menyeluruh akan dibuat di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk mengadakan sambungan rel dari kawasan Pantai Timur ke pelabuhan itu.

(4) Satu projek untuk mengadakan sambungan rel ke Lumut akan dikaji di bawah Rancangan Malaysia Ketiga oleh kerana Lumut akan dijadikan pengkalan Tentera Laut serta tempat di mana tangki untuk simpanan minyak petrol akan dibina. Oleh itu keperluan pengangkutan akan timbul bagi kawasan itu.

(5) Sebanyak 34 buah koc-koc baru telah dibeli dari negeri Jepun dan dijangka akan dibekalkan pada penghujung tahun ini. Apabila koc-koc itu diterima Keretapi Tanah Melayu menjamin akan memberi perkhidmatan penumpang yang lebih memuaskan lagi. Selain dari itu Keretapi Tanah Melayu juga mempunyai rancangan pembinaan dan pembaharuan koc yang dilaksanakan sendiri oleh kakitangan Keretapi di Bengkel Sentul. Di bawah rancangan ini 6 buah koc-koc akan dibina semula tiap-tiap tahun.

(6) Selain dari rancangan tersebut di atas Keretapi Tanah Melayu juga mempunyai rancangan pembaharuan dan pemulihan seperti rancangan membaharui landasan, mengukuhkan jambatan, membaharui alat-alat semboyan dan perhubungan, membaharui bangunan stesyen, mengelokkan kemudahan-kemudahan penumpang dan penggantian mesin dan alat-alat jentera.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semenjak akhir-akhir ini Keretapi Tanah Melayu telah menunjukkan bahawa ia dapat membuat keuntungan kalau dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu. Salah satu faktor yang menyebabkan Keretapi ini mendapat keuntungan ialah kerana kecekapan Pengurus Besarnya. Jadi ada berita mengatakan Pengurus Besar ini akan ditukarkan. Adakah benar perkara ini?

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini pihak Kementerian ini belum dapat mengetahui masaalah berita itu.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar:

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan penerangan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan tadi sejak daripada tahun 1970 hingga tahun ini Keretapi sentiasa mengalami kerugian. Saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan apakah sebab-sebab kerugian itu, samada disebabkan oleh pentadbirannya atau kurang mendapat sambutan daripada rakyat ataupun sebagainya?

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, rasanya agak sukar sedikit hendak kita jelaskan satu-persatu mengenai soalan itu, tetapi memanglah ada kemungkinan sebab-sebab kekurangan kecekapan pentadbiran umpamanya berlaku dan selain daripada itu pertandingan di antara pengangkutan-pengangkutan jalan yang rasanya pada beberapa masa kebelakangan yang lalu mengakibatkan Keretapi tidak dapat menerima tempahan yang seimbang atau sepatut berbanding dengan kebolehan kemajuannya berdasarkan kemampuan Keretapi pada masa itu. Selain daripada itu, memanglah terdapat beberapa perkara yang harus dibaiki dari satu masa ke satu masa dan pada masa kebelakangan ini kesilapan-kesilapan itu sedikit sebanyak memanglah telah dapat diperbetulkan.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam jawabannya kepada soalan 3 (b) ada menerangkan beberapa rancangan yang akan dan hendak dibuat oleh Jabatan Keretapi untuk menambahkan pendapatannya dan memperbaiki perkhidmatannya. Tidakkah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pada satu masa dahulu ada diumumkan oleh Kementerian yang berkenaan bahawa Jabatan Keretapi akan mengeksploitasi tanah-tanah kawasan reserve Keretapi untuk dibangunkan dan dibuat rancangan-rancangan yang boleh menambah pendapatan Jabatan Keretapi iaitu termasuk melombong, memproses batu untuk membuat batu marmar dan sebagainya kerana ada didapati di dalam kawasan-kawasan reserve Keretapi bahan-bahan yang tersebut. Jika sedar dan masih juga ingat apakah kedudukannya sekarang?

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas soalan tambahan itu dan rasa saya ada

hubungannya dengan ucapan salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat pada hari semalam yang mungkin akan saya jawab dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 pada petang ini. Sebenarnya, pihak Keretapi Tanah Melayu memang menyedari hakikat perkara ini dan keadaan ini sedang dan telah pun dimulakan untuk mengeksploitasi kemajuan pembangunan Keretapi Tanah Melayu berasaskan kemudahan-kemudahan yang sedia ada seperti tanah atau seumpamanya. Dan baru-baru ini usahasama telah dirancang dengan pihak UDA yang bertujuan untuk membina bangunan-bangunan di mana terdapat tanah-tanah Keretapi yang sesuai kedudukannya di bandar-bandar dan bagi kemajuan yang lain-lain seperti apa yang disebutkan memajukan kawasan-kawasan quarry yang ada sekarang ini ke arah membina kilang-kilang marmar atau seumpamanya ini akan dikaji dari satu masa ke satu masa.

PENAGIH DADAH

4. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri Kebajikan Am menyatakan samada Kerajaan akan menimbangkan pembinaan khemah-khemah atau tempat-tempat kediaman dengan tujuan untuk menjalankan siasatan dan kajian untuk menghapuskan penagihan dadah dan dalam mana semua penagih dadah akan ditempatkan untuk pengawasan dan pemulihan.

Setiasusaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Patrick anek Uren): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebajikan Am tidak akan menimbangkan pembinaan khemah-khemah atau tempat-tempat kediaman untuk menghapus, menyiasat dan menempatkan semula penagih dadah merbahaya. Walau bagaimanapun rancangan sedang dibuat untuk mengadakan pusat pemulihan dadah yang lengkap di mana penagih-penagih dadah boleh menerima rawatan detoksifikasi dan pemulihan.

Buat masa ini rawatan detoksifikasi dijalankan pula diadakan di tiga pusat pemulihan dadah yang diselenggarakan oleh Kementerian Kebajikan Am tiap-tiap satunya boleh menampung seramai 100 orang penagih. Mengikut undang-undang yang ada sekarang orang-orang yang disyaki menjadi penagih boleh dibawa ke Pegawai Perubatan Kerajaan oleh Pegawai Biro Narkotik. Polis ataupun Pegawai Kebajikan Masyarakat dan

jika didapati ia sebenarnya penagih maka ia adalah diwajibkan untuk menerima rawatan di hospital dan seterusnya mengikuti rancangan pemulihan di pusat pemulihan dadah yang ditadbirkan oleh Kementerian Kebajikan Am.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar ada di antara mereka yang benar-benar penagih dadah telah melapurkan dirinya tetapi bila sampai ke Jabatan Kebajikan Masyarakat mereka ini ditolak begitu sahaja.

Tuan Patrick anek Uren: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat itu boleh diasas dan jika ada perkara yang tertentu dia boleh berhubung dengan polis ataupun Pegawai Kebajikan Masyarakat dan boleh juga berhubung dengan saya, kita boleh menyiasat semula.

JAMBATAN TIMBUL (PONTOON BRIDGE) PERMATANG PAUH, PULAU PINANG

5. Tuan Lukman bin Abdul Kadir (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa semenjak trajidi di Bandar Baru Perak/Kedah 3 tahun yang lalu Jambatan Timbul (Pontoon Bridge) Permatang Pauh Pulau Pinang tidak boleh dilalui oleh bas-bas dengan penumpang dan ini telah menimbulkan kesulitan yang amat sangat kepada masyarakat sekitar itu yang menggunakan bas sebagai kenderaan. Jika sedar apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan dengan memanggil tawaran untuk menggantikan Jambatan Timbul yang ada dengan yang baru.

PENYERTAAN BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN

6. Wan Zainab binti M. A. Bakar minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

(a) walaupun Kerajaan menubuh berbagai-bagai badan dan agensi-agensi untuk

memesatkan penyertaan bumiputra dalam bidang Perniagaan/Perusahaan; adakah beliau sedar masih ramai lagi bumiputra yang tidak faham mengenai peranan agensi-agensi yang ditubuhkan, jika sedar, mengapa; dan

- (b) walaupun UDA dibentuk bertujuan memberi bantuan kepada bumiputra dalam bidang perniagaan semua kegiatan UDA pada waktu ini ditumpukan di bandar-bandar besar sahaja, dan tidak di bandar-bandar kecil. Tidakkah ada rancangan UDA untuk meluaskan kegiatannya di bandar-bandar kecil, kiranya ada, bila.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi agensi-agensi dan Badan-badan Awam di bawah Kementerian saya sukacitalah saya memaklumkan iaitu penerangan mengenai tugas-tugas dan peranan-peranan agensi-agensi dan badan-badan tersebut sentiasa dimaklumkan kepada rakyat jelata melalui berbagai-bagai cara. Terbitan-terbitan dari agensi-agensi tersebut mengandungi maklumat mengenai peranan dan bantuan-bantuan yang boleh didapati oleh rakyat dari agensi-agensi tersebut adalah diedarkan. Di samping itu juga peranan badan-badan tersebut sentiasa disebarkan melalui mass-media seperti radio, akhbar dan sebagainya. Di samping itu juga Badan-badan Awam mempunyai cawangan-cawangan di bandar-bandar dan di daerah-daerah di negeri-negeri bagi memudahkan rakyat jelata mendapatkan penerangan. MARA misalnya merupakan satu badan Awam yang tidak asing lagi bagi rakyat khususnya bumiputra mempunyai pejabat-pejabat di Ibu-ibu Negeri dan di daerah-daerah. Kementerian saya akan berusaha dengan lebih giat lagi untuk meluaskan penerangan berkenaan dengan perbadanan awam ini dari masa ke semasa.
- (b) Memanglah menjadi dasar UDA pada ketika ditubuhkan dahulu untuk menumpukan perhatian di bandar besar sahaja terutama di Kuala Lumpur. Ini memandangkan bahawa ada agensi-agensi Kerajaan yang lain yang menumpukan perhatiannya di bandar-bandar kecil dan di luar bandar.

Pada masa ini UDA telah ditugaskan untuk meluaskan aktiviti ke ibu negeri-negeri dan bekerjasama dengan PKEN-PKEN dan telah pun menubuhkan syarikat usahasama yang dinamakan PERUDA yang bertugas membangunkan harta di bandar-bandar yang terdapat di negeri-negeri masing-masing.

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

7. Tuan Mohd. Bakri bin Abd. Rais minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah jumlah wang yang telah dikeluarkan daripada K.W.S.P. kepada kakitangan Kerajaan dan badan berkanun yang bersara pada tahun 1974 dan 1975;
- (b) berapa banyakkah wang yang telah dikumpulkan oleh K.W.S.P. daripada pencarum-pencarum sehingga ini;
- (c) apakah jenis-jenis perniagaan yang telah dijalankan oleh K.W.S.P. dan berapa banyakkah keuntungan yang telah diperolehi oleh K.W.S.P. sehingga ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah wang yang telah dikeluarkan daripada K.W.S.P. ialah \$91,431,898 pada tahun 1974 dan \$100,179,869 pada tahun 1975. Untuk tujuan pengeluaran wang, K.W.S.P. hanya menyimpan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan sebab-sebab wang itu hendak dikeluarkan seperti bilangan-bilangan ahli yang telah meninggal dunia, bilangan ahli yang berumur 55 tahun, bilangan ahli yang tidak boleh bekerja lagi atas sebab-sebab kesihatan, bilangan ahli yang meninggalkan Malaysia untuk selama-lamanya dan tidak ada niat untuk kembali ke Malaysia atau bermastautin di Singapura dan bilangan ahli yang mengeluarkan 1/3 wang mereka pada masa umur 50 tahun. Adalah tidak mungkin untuk menyatakan di sini jumlah wang K.W.S.P. yang telah dikeluarkan oleh kakitangan Kerajaan dan badan-badan berkanun seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat.

- (b) Jumlah wang yang telah dikumpulkan oleh K.W.S.P. daripada pencarum-pencarum sehingga pada tarikh 31hb September, 1976 ialah \$4,247,691,626.
- (c) Untuk makluman kepada Ahli Yang Berhormat, K.W.S.P. bukannya sebuah organisasi perniagaan ataupun sebuah badan yang bertujuan mencari keuntungan. Wang yang dikumpulkan oleh K.W.S.P. telah dilaburkan mengikut kehendak-kehendak seksyen 4, Ordinan K.W.S.P., 1951 dan selaras dengan Ordinan Pemegang Amanah, 1949 dan Akta Pelaburan Pemegang Amanah, 1965 (Trustee Ordinance, 1949 and Trustee Investment Act, 1965). Lebih daripada 90% wang K.W.S.P. telah dilaburkan di dalam Surat-surat Jaminan Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities) dan bakinya adalah sebagai pinjaman kepada syarikat-syarikat atau badan-badan berkanun yang diluluskan (approved Companies or Corporations) yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan. Jumlah keuntungan ataupun pulangan daripada pelaburan-pelaburan K.W.S.P. sehingga tarikh 31hb September, 1976 ialah \$1,119,427,019.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ada mengatakan bahawa ada sejumlah wang daripada Kumpulan ini dipinjamkan kepada approved companies. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan apakah dia approved companies itu, berapa bilangannya, kalau boleh harap beritahu nama-nama approved companies itu dan jua kalaulah satu-satu company yang lain untuk hendak mendapatkan taraf approved company ini, bagaimana cara-caranya.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, jawapan (c) tadi yang saya kemukakan adalah terdorong kepada soalan yang berasaskan kepada perkataan "perniagaan". Jadi oleh sebab itu, minta maaf saya tidak menyiapkan butir-butir perincian berkenaan dengan pelaburan ataupun investment. Saya mintalah notis atau pun saya minta Yang Berhormat dikemukakan soalan pada mesyuarat akan datang.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bilakah K.W.S.P. dapat mengkaji atau melaksanakan satu rancangan untuk membolehkan pencarum K.W.S.P. mengeluarkan sebahagian wang mereka untuk membeli rumah atau lain-lain kegunaan.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab soalan tambahan itu terkeluar daripada soalan asal, saya minta notis.

SIJIL PENDAFTARAN SEKOLAH MENENGAH CHINA

8. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24*) (2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar Sekolah-sekolah Menengah China yang bersendirian yang mempunyai sijil pendaftaran sekolah terpaksa membaharui pendaftarannya tiap-tiap tahun; jika ya, nyatakan samada Kerajaan bercadang memansuhkan peraturan itu.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar. Walau bagaimanapun, inginlah saya tegaskan di sini bahawa bukan sahaja Sekolah-sekolah Menengah China diberi Sijil Pendaftaran Sementara tetapi juga Sijil Sementara ini diberi kepada semua Sekolah-sekolah Swasta di negara ini. Sijil-sijil ini hendaklah diperbaharui tiap-tiap tahun.

Kerajaan tidak bercadang hendak mengubah amalan ini.

"UPSWING" EKONOMI NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN

9. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim (*di bawah S.O. 24*) (2)) minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimanakah "upswing" dalam ekonomi negara-negara perindustrian utama telah mempengaruhi ekonomi negara kita. Apakah faktor-faktor yang telah menyumbang bagi menghasilkan satu rekod perdagangan berlebihan sebanyak \$587 juta dalam tempoh tiga bulan yang pertama dalam tahun 1976 sebagaimana yang telah disiarkan dalam majallah ekonomi Bank Negara yang dikeluarkan tiga bulan sekali. Apakah aliran ekonomi dalam bulan-bulan yang berikut.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, kelebihan dagangan sebanyak \$587 juta dalam masa tiga bulan pertama tahun 1976 yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah disebabkan oleh prestasi eksport yang lebih baik bagi barangan utama di dalam masa tersebut. Faktor-faktor yang membawa kepada keadaan yang memuaskan ini dan kesan pemulihan ekonomi di dalam negeri-negeri perindustrian utama ke atas ekonomi Malaysia serta prospek-prospek bagi ekonomi Malaysia di dalam tahun 1976 dan 1977 telahpun diliputi dengan mendalam di dalam ucapan Belanjawan dan juga laporan ekonomi Kementerian Kewangan (Command Paper 176/77).

PELAJARAN MENENGAH ANIKA JURUSAN

10. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa sistem persekolahan di negeri ini pada peringkat rendah dan menengah tidak melahirkan jenerasi yang berminat dalam bidang pertanian moden, perniagaan yang tekun dan perusahaan yang bersungguh-sungguh, sedangkan banyak antara pelajarnya keluar sekolah hanya tidak lebih pada peringkat menengah sahaja. Apakah langkah yang berkesan untuk menjayakan kehendak itu sesuai dengan negara ini yang sedang membangun.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1965 apabila sistem pelajaran menengah anika jurusan dimulakan usaha-usaha telah dijalankan untuk mengubah dan merombak bidang pelajaran di sekolah-sekolah supaya murid-murid kita didedahkan kepada matapelajaran yang berorientasikan pertanian, perniagaan dan perindustrian. Pada peringkat menengah atas usaha ini digiatkan lagi dengan mengadakan Sekolah-sekolah Menengah Teknik, Vokesyenal dan Pertanian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan sekolah-sekolah sedemikian bertambah dari tahun kesetahun dan saya rasa dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan di sekolah-sekolah itu dapatlah melengkapi pelajar-pelajar untuk mengikuti kersus selanjutnya di institusi pengajian tinggi samada di dalam ataupun di luar negeri.

Sekiranya belum lagi lahir jenerasi seperti yang di nyatakan oleh Ahli Yang Berhormat

itu, saya kira jenerasi itu akan lahir asalkan adanya kerjasama dari seluruh masyarakat. Apa yang perlu diambil perhatian ialah Sistem Persekolahan sahaja tidak dapat melahirkan jenerasi sedemikian kerana corak masyarakat di luar tidak ditentukan oleh sekolah semata-mata. Sekolah hanya dapat menyediakan pelajar-pelajar bagi menghadapi keadaan-keadaan di luar dan menyesuaikan diri dengannya serta menggunakan peluang-peluang yang terbuka dengan sebaik-baiknya. Jadi, semua masyarakat mesti bekerjasama baharulah kita boleh melahirkan jenerasi yang berminat dalam bidang pertanian moden, perniagaan yang tekun dan perusahaan yang bersungguh-sungguh.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa sesungguhnya perubahan telah dibuat sejak tahun 1965 yang bererti sehingga ini sudah 11 tahun. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan kesan-kesan perubahan yang dijalankan itu di kalangan penuntut-penuntut samada yang telah lulus di sekolah menengah tinggi ataupun menengah rendah yang ada di sekitar tanahair kita sekarang ini berkait dengan hal yang disebutkan itu.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya tadi, mula-mulanya saya katakan tahun 1965 kita telah mengubah sistem pelajaran menengah kita dengan anika jurusan. Jadi, sampai hari ini kita dapat tahu banyak penuntut-penuntut keluar daripada sekolah menengah teknik dan juga vokesyenal mereka dapat pekerjaan yang baik, terutama di bidang perniagaan, perusahaan dan sebagainya. Jadi, soal kesan yang dikatakan itu, kalau daripada pihak sekolah tidak berapa kesan, tetapi kesan itu mestilah dapat daripada masyarakat kita yang mana masyarakat boleh menerima atau memberikan pekerjaan kepada mereka apabila mereka tamat kursus di dalam sekolah-sekolah ini. Berkenaan soal melanjutkan pelajaran mereka, di dalam sekolah-sekolah ini kita ada menyediakan kemudahan-kemudahan dan juga kursus untuk mereka, jika mereka hendak melanjutkan pelajaran mereka. Jadi kesan itu saya ingat tentulah satu perkataan yang luas dan kesan ini mestilah dapat kerjasama daripada semua pihak.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya tidak mengetahui dengan lebih jelas tentang kejayaan di atas hal ini kerana saya melihat di tempat saya sendiri anak-anak yang keluar daripada sekolah-sekolah ini walaupun sekolah vokesyenal tetapi mereka lebih cenderung untuk bekerja makan gaji di mana-mana tempat. Tambahan pula apa yang saya dengar berita-berita iaitu di Kelantan dan Trengganu, banyak daripada penuntut-penuntut ini yang keluar daripada sekolah yang dapat mempunyai kelulusan tinggi misalnya HSC dan SPM telah berhijrah di tempat lain kerana mencari pekerjaan. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan hal ini dengan lebih jelas kerana saya rasa tentulah Yang Berhormat lebih tahu. Soalan saya yang kedua ialah apakah hubungan antara Kementerian Pelajaran dengan Kementerian yang lain, misalnya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang melatih belia-belie di Dusun Tua dan sebagainya, demikian juga Kementerian Buruh yang melatih penuntut-penuntut di sekolah latihan perusahaan apakah hubungan antara Kementerian ini dengan Kementerian-kementerian yang berkenaan supaya anak-anak ini lahir dapat mereka menceburkan diri dalam bidang pertanian moden ataupun dalam bahagian perniagaan yang berjaya.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka menjelaskan iaitu pekerjaan dengan persekolahan tentulah berlainan sedikit. Kalau kita hendak menjamin tiap-tiap penuntut-penuntut dapat pekerjaan apabila habis persekolahan barangkali sudah sedikit. Tetapi walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pelajaran khasnya untuk sekolah-sekolah menengah vokesyenal dan teknik sebelum penuntut-penuntut itu menamatkan kursus di alam sekolah masing-masing itu kita ada berhubung dengan Kementerian Buruh dan juga dengan firma-firma yang berdekatan dengan sekolah masing-masing itu. Jadi ada sekolah-sekolah yang mana kita dapat tahu pada masa dahulu ada banyak penuntut-penuntut sebelum menamatkan kursus itu telah diambil oleh firma-firma atau stesyen-stesyen menjadikan mereka sebagai mekanik dan lain-lain.

Saya suka mengulangkan di sini iaitu kita ada berhubung rapat dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang mana

kita berharap belia-belie kita selain daripada dapat kerja melalui Jabatan Buruh, kadangkala mereka dapat peluang bekerja melalui Pegawai Belia. Inilah langkah-langkah yang telah diambil. Kalau kita betul-betul mahu mengorientasikan kursus-kursus kita, kita berharap masyarakat kita mesti mengikuti orientasi juga dalam negara kita ini.

KILANG PADI SYARIKAT KERJASAMA

11. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah kilang padi syarikat kerjasama yang telah diberikan bantuan untuk membaiki ataupun untuk pembesaran yang boleh memproses padi petani di kawasan padi yang mengeluarkan beras yang akan diperdagangkan, dan nyatakan jumlah belanja yang dikeluarkan untuk tujuan tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, jumlah kilang padi syarikat kerjasama yang telah menerima bantuan seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah 20. Ini adalah selain daripada 6 buah koperasi peladang yang ada juga mengendalikan perdagangan beras dan padi. Bantuan ini dikeluarkan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang dan setakat ini jumlah bantuan yang telah diberikan ialah sebanyak \$951,574 sahaja.

GAJI ANGKATAN TENTERA

12. Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar gaji angkatan tentera kita yang berkhidmat di Sabah lambat diterima oleh mereka kiranya sedar, mengapa kejadian ini berlaku dan di tempat manakah kejadian ini kerap berlaku dan apakah tindakan supaya perkara yang tidak diinginkan tidak berulang lagi; dan
- (b) berapa banyakkah kejadian ini berlaku kepada angkatan tentera yang berkhidmat di sebelah Residen Tawau dan di tempat-tempat lain di Sabah.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya sedar bahawa kadangkala gaji pasukan tentera kita yang bertugas di Sabah terlambat dibayar. Ini adalah kerana perhubungan antara Kementerian Pertahanan dan yunit-yunit di Sabah memakan masa yang lebih panjang dari perhubungan dengan yunit-yunit di Semenanjung, dengan itu pentadbiran pembayaran gaji juga memakan masa yang lebih panjang sehingga kadangkala gaji terlambat dibayar untuk beberapa hari. Masaalah ini tidaklah terhad kepada mana-mana satu pasukan tertentu di Sabah tetapi sebaliknya adalah melibatkan semua pasukan kita di Sabah dari semasa ke semasa.

Langkah-langkah sedang dijalankan bagi memendekkan lagi tempoh yang diambil untuk menguruskan pembayaran gaji kepada pasukan tentera kita di Sabah.

- (b) Kelewatan menerima wang yang dipinta oleh pasukan-pasukan di Sabah termasuk wang untuk membayar gaji berlaku purata sekali di dalam tiap-tiap dua permintaan. Kelewatan yang terlibat ialah antara 1 hingga 5 hari. Keadaan ini adalah serupa untuk semua yunit di Sabah dan tidak terhad kepada yunit-yunit di sesuatu kawasan tertentu sahaja.

RUMAH-RUMAH DI TANJONG TOKONG

13. **Datuk Albert Mah** bertanya kepada Menteri Perusahaan Awam bilakah UDA akan mula berdiri rumah-rumah seperti yang dicadangkan di Tanjong Tokong pada tahun 1972. Nyatakan sebab-sebab lewat untuk melaksanakan projek itu sungguh pun Majlis Bertindak Kebangsaan yang bermesyuarat dalam bulan Oktober, 1973 mengarahkan tindakan yang segera diambil untuk memajukan kawasan Tanjong Tokong itu.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang dipertua, kerja-kerja pembinaan Peringkat IA projek Tanjong Tokong ini iaitu tiga blok flat empat tingkat mengandungi 96 yunit akan dimulakan selewat-lewatnya diawal tahun 1977. Projek pembangunan di kawasan

Tanjong Tokong ini telah timbul semasa lawatan Yang Amat Berhormat Allahyarham Tun Abdul Razak ke Pulau Pinang pada bulan April tahun 1972.

Tujuan utama projek ini ialah :

- (1) Memberikan keadaan hidup yang lebih sempurna terutama perumahan kepada penduduk-penduduk kawasan tersebut;
- (2) Mengadakan peluang-peluang pekerjaan bagi penduduk di kawasan tersebut.

Kawasan projek Tanjong Tokong ini mempunyai keluasan kira-kira 40 ekar. Setelah dibuat kajian didapati adalah lebih berekonomi sekiranya projek ini dilaksanakan melalui satu konsep secara package iaitu dimajukan berserta dengan kerja-kerja mengambus pantai (reclamation) kawasan pantai yang luasnya kira-kira 100 ekar. Ini adalah disebabkan kawasan-kawasan yang seluas 100 ekar ini apabila dikambus dapat dijadikan kawasan perdagangan dengan mendirikan projek-projek pelancungan dan perdagangan bagi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk di Tanjong Tokong itu. Di samping itu kawasan seluas 40 ekar tadi dapatlah dijadikan kawasan-kawasan perumahan bagi memperbaiki keadaan hidup penduduk-penduduk kawasan tersebut.

Persetujuan awal yang dicapai di antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan UDA di mana kawasan perumahan seluas 40 ekar itu akan dimajukan oleh UDA dan UDA juga akan diberi peluang mengambil bahagian dalam pembangunan kawasan pantai seluas 100 ekar itu tetapi malangnya sehingga ke tarikh ini belum ada sebarang keputusan positif yang tercapai oleh Kerajaan Negeri mengenai pengambilan bahagian UDA dalam pembangunan kawasan pantai seluas 100 ekar itu. Inilah sebabnya pembangunan projek Tanjong Tokong ini terlewat dilaksanakan. Tetapi walau bagaimanapun, pembangunan projek Tanjong Tokong ini akan diteruskan melalui satu konsep baru di mana kawasan seluas kira-kira 40 ekar itu akan dijadikan separuh kawasan perumahan bagi mencapai objektif pertama dan separuh lagi sebagai kawasan perindustrian bagi mencapai objektif kedua. Seperti yang saya sebutkan tadi kerja-kerja pembinaan akan dimulakan awal tahun hadapan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu samada benar atau tidak kelewatan untuk membangunkan projek di kawasan Tanjong Tokong ini faktor utamanya adalah perselisihan faham antara UDA dengan Penang Development Corporation (PDC), adakah ini benar?

Soalan kedua, adakah benar sehingga hari ini syarikat usahasama UDA dan SEDC ini tidak dapat ditubuhkan itupun kerana ada beberapa halangan daripada pihak PDC. Saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan terangkan.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar ada perselisihan faham di antara Penang Development Corporation (PDC) dengan UDA. Sebenarnya kelewatan yang saya sebutkan tadi ialah dengan sebab tidak ada keputusan muktamad daripada Kerajaan Negeri berkenaan dengan hendak mengambuskan pantai (reclamation).

Berkenaan dengan penubuhan PERUDA iaitu usahasama di antara UDA dengan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, itu bukanlah dengan sebab perselisihan faham. Perbadanan Kemajuan Pulau Pinang itu adalah satu perbadanan yang besar yang telah pun maju dalam lapangan pembinaan bangunan-bangunan. Maka dengan sebab itulah UDA tidak berunding dengan lebih tegas berkenaan dengan penubuhan PERUDA.

MARIA BINTI MAT REJAB— SIASATAN KEMATIAN

14. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan samada siasatan ke dalam kematian Maria binti Mat Rejab dari Kampung Syed Omar Batu Pahat, Kangar, Perlis, di Hospital Besar, Pulau Pinang seperti yang dibangkitkan di dalam Dewan Rakyat pada 13hb Julai, 1976 telah selesai, jika ya, nyatakan hasil siasatan tersebut.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, penyiasatan telahpun selesai dijalankan. Perkara ini telah dirujuk-kan ke Kamar Peguam Negara untuk pemeriksaan dari segi undang-undang. Selanjutnya, waris-warisi simati telahpun memberikan notis kepada Penguasa Perubatan,

Hospital Besar, Pulau Pinang menyatakan hajat mereka untuk membuat tuntutan mahkamah terhadap hospital dalam perkara ini. Oleh yang demikian, adalah tidak wajar bagi saya, di peringkat ini memberikan keterangan-keterangan lanjut tentang penyiasatan itu di dalam Dewan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini timbul oleh kerana simati telah diberi solution yang salah. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini oleh kerana ada berlaku kematian ini yang sekarang terserah kepada Jabatan Peguam Negara, apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian Kesihatan di semua rumah sakit supaya mengelakkan peristiwa-peristiwa semacam ini berulang di mana pesakit-pesakit diberi solution yang salah yang mengakibatkan kematian pesakit itu.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini saya telah jawab dan saya tidak hendak menambah apa-apa oleh kerana perkara ini telah dirojokkan kepada Kamar Peguam Negara. Soalan yang kedua, seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ialah di mana-mana hospital di seluruh dunia ada melakukan kesilapan-kesilapan dan satu tahun lebih kurang 3%. Tan Sri Yang di-Pertua, percentage ini adalah mengikut lapuran-lapuran daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Apa yang saya mahu tahu ialah sekarang di sini ada berlaku satu kesilapan. Tetapi soalan saya ialah apakah tindakan yang telah diambil untuk memastikan bahawa kesilapan-kesilapan ini yang telah mengakibatkan kematian orang-orang—yang tidak perlu mati, apakah tindakan yang telah diambil oleh kerana sekarang sudah nyata terdapat kesilapan. Bagaimana kesilapan ini boleh berlaku dan apa tindakan tatatertib yang telah diambil. Itu soalan saya.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan sentiasa diambil untuk melincinkan perkhidmatan perubatan di semua hospital di seluruh tanahair kita dan juga apa-apa kelemahan yang kita dapati itu akan diatasi.

RUMAH PANGSA

15. Wan Zainab binti M. A. Bakar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada Kementerian beliau bercadang menyediakan rumah pangsa untuk menempatkan setinggan-setinggan yang hidup dalam keadaan yang buruk supaya mereka dapat menikmati keadaan hidup yang bersih dan sihat.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Datuk Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa projek-projek rumah pangsa ada dan akan terus dilaksanakan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Perumahan Awam. Rumah-rumah tersebut adalah untuk menampung keperluan rakyat daripada golongan pendapatan rendah dan di mana keadaan mengizinkan yunit-yunit di dalam rumah-rumah pangsa itu juga diberi kepada setinggan-setinggan yang dianggap layak menerimanya.

PINJAMAN \$5,000 DARI BANK

16. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa bank memberi kuasa yang sedikit kepada pengurus-pengurus cawangan-nya sehingga pinjaman \$5,000 pun terpaksa mendapat kebenaran dari Ibu Pejabat. Jika sedar tidakkah Kementerian yang berkenaan bercadang memberi kuasa kepada Pengurus-pengurus Cawangan supaya dapat meluluskan pinjaman sehingga \$30,000.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu saya memangnya sedar bahawa setengah pengurus-pengurus cawangan bank dibenarkan memberi pinjaman sebanyak \$5,000 kepada orang-orang perseorangan. Mengenai jumlah melebihi \$5,000 ini bergantunglah kepada budibicara daripada kegiatan tiap-tiap bank berkenaan yang sentiasa diawasi oleh Bank Negara Malaysia. Oleh itu, saya ingin memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Kewangan dari segi tugas pada keseluruhannya adalah sentiasa mengawasi kegiatan bank-bank dan juga cawangan-cawangannya di seluruh negara.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1977

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (11hb November, 1976).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1977

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,694,337,589 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1977, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1977 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 39 tahun 1976, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan lima dan enam senarai tersebut" (11hb November, 1976).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang akan mendengar sambungan jawapan-jawapan daripada Yang Berhormat Menteri-menteri.

3.25 ptg.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun memberikan teguran-teguran dan juga pandangan-pandangan di dalam perbincangan (debate) beberapa hari yang lepas. Walaupun saya tidak akan menjawab dengan specific pada kesemua dan keseluruhannya, suka saya katakan iaitu Kementerian saya akan mengambil perhatian di atas teguran-teguran dan juga pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Walau bagaimanapun, saya ingin menjawab dan memberikan penjelasan terhadap teguran yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah mengenai Persidangan

Negara-negara Berkecuali di Colombo. Anggapan-anggapan yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, pada hemat saya tidaklah benar. Walau bagaimanapun, usaha-usaha bagi membawa penerimaan sesuatu rangka dan rancangan untuk keamanan di Asia Tenggara dan perlaksanaannya, kita sedar adalah sukar yang mengandungi penuh dengan cabaran-cabaran. Di Colombo itu menunjukkan bahawa masih ada kecurigaan dan juga salah pengertian di pihak-pihak tertentu terhadap konsep kawasan aman, bebas dan berkecuali itu. Malaysia serta negara-negara di rantau ini yang terikat (committed) kepada konsep itu menerima kenyataan (reality) yang tersebut.

Sepertimana yang saya telah terangkan di dalam Dewan ini adalah nyata iaitu konsep ini tidak dapat dibincang (debate) langsung oleh sebab kesuntukan masa. Malaysia walau bagaimanapun, akan terus berusaha untuk mencapai matlamat konsep tersebut seperti yang saya terangkan di dalam jawapan-jawapan saya di dalam Dewan ini beberapa hari yang sudah. Saya ingin menyatakan kepada Dewan ini bahawa segala persiapan untuk persidangan di Colombo itu seperti untuk mana-mana persidangan antarabangsa atau serantau lain adalah sepenuh-penuhnya dan serapi-rapi yang boleh kita buat.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

3.28 ptg.

Menteri Pertanian (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli Yang Berhormat dalam bahasan mereka berkenaan Belanjawan 1977 telah menyentuh masalah pemasaran hasil-hasil pertanian yang menyulitkan, bahkan kerap kali merugikan petani-petani. Mereka menimbulkan perkara tidak terjaminnya pada setiap masa akan wujudnya pasaran bagi menjual hasil-hasil pertanian itu. Harga-harganya pula tidak stabil.

Ahli-ahli Yang Berhormat itu juga telah menyatakan bahawa FAMA tidak dapat cukup memainkan peranannya dalam mengatasi masalah-masalah pemasaran tersebut. Seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengesyurkan supaya didirikan kilang-kilang memproses hasil-hasil pertanian untuk menampung pasarannya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawabnya, secara kasar ada dua jenis hasil pertanian. Pertama, ialah hasil-hasil pertanian yang menampung keperluan dalam negeri serta juga diekspot ke Singapura. Hasil-hasil sedemikian ini adalah seperti sayur-sayuran dan buah-buahan kecuali nenas jenis untuk dikilang. Umumnya hasil-hasil ini terlalu cepat busuk dan rosak (highly perishable).

Bagi sayur-sayuran, maka negara kita pada amnya cukup bekalan (self-sufficient). Ada kalanya bekalan kurang, khasnya dalam masa banjir, kemarau panjang atau masa-masa perayaan di kalamana orang-orang agak lebih banyak serentak menggunakannya. Di waktu-waktu tersebut ini petani-petani tidak mengalami kesulitan pemasaran ini. Harganya naik tinggi. Kesulitan hanyalah dari segi kerosakan tanaman itu oleh sebab kemarau panjang atau banjir. Sebaliknya pengguna-pengguna (consumers) pula yang merungut oleh kerana harga naik tinggi.

Di waktu-waktu biasa pula, ada kalanya pengeluaran hasil-hasil tersebut itu berlebihan banyaknya. Di waktu-waktu seperti inilah harga jatuh sehingga kerap merugikan petani-petani. Oleh itu amat perlulah petani-petani tersebut mendapatkan nasihat-nasihat berkenaan kemungkinan pasaran daripada pegawai-pegawai FAMA yang ada di tiap-tiap daerah atau kawasan supaya dengan demikian penanaman dan pengeluaran bagi sesuatu masa itu dapat diatur (regulated) seberapa yang dapat untuk mengelakkan pembekalan (supply) banyak sangat berlebihan daripada kehendak (demand) pada satu-satu barang.

Utuk mengatur (regulate) penanaman dan pengeluaran ini secara amat berkesan adalah masih amat sukar sekarang ini. Selain masa-malah musim kemarau panjang dan banjir, yakni masalah cuaca, petani-petani kita masih amat banyak lagi yang tidak disatukan dan diorganisekan di bawah pertubuhan-pertubuhan peladang untuk mudah diselaras-kan kegiatan penanaman dan pengeluaran dan seterusnya pemasaran hasil-hasil tersebut supaya kira-kira sama banyak pembekalan dengan kehendak (supply and demand) bagi sesuatu masa itu.

Di sini suka-lah saya menyeru semua petani-petani supaya mendirikan atau masuk menjadi ahli-ahli pertubuhan peladang di tempat masing-masing. Dalam konteks ini, Kementerian saya akan terus menubuhkan...

banyak lagi Lembaga Pertubuhan Peladang di kawasan-kawasan di seluruh negeri kita ini.

Jenis kasar pertanian yang satu lagi itu ialah yang berkaitan dengan pengeluaran dan pasaran dunia seperti kelapa, kopi, teh, koko, berbagai-bagai jenis kacang dan lain-lain sebagainya. Dalam hal ini, harga pasaran tersebut memang terombang-ambing di pasaran dunia yang juga melibatkan harga di pasaran kita, terutama bagi hasil-hasil pertanian seperti kelapa dan koko. Walau apapun yang dibuat oleh jentera-jentera Kerajaan kita seperti FAMA maka kesannya dalam usaha menstabilkan harga-harga itu adalah amat terhad (very marginal). Inilah sebabnya mengapa Kerajaan kita sentiasa berusaha melalui berbagai-bagai saluran international dan di mana-mana juga untuk mencapai persetujuan supaya diadakan rancangan menstabilkan harga barang-barangan (Commodities Stabilisation Scheme) antarabangsa. Sehingga ini rancangan tersebut ini belum lagi mendapat persetujuan sepenuhnya dan belum lagi berjalan. Selagi rancangan tersebut tidak berjalan maka selagi itulah harga hasil-hasil pertanian tersebut tetap terus menerus terombang-ambing dan tidak stabil serta terus menerus merumitkan bahkan merugikan pendapatan petani-petani. Dalam konteks keadaan sedemikian ini kalau kita hendak menyalahkan FAMA semata-mata maka tidaklah tepat dan tidak patut, hanya kalau kita tidak memahami dan tidak mengerti akan perjalanan ekonomi sahajalah baru kita boleh menyalahkan FAMA.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks semua yang saya sebutkan tadi maka FAMA akan terus-menerus menambahkan kegiatannya serta meninggikan lagi kesan-kesan kegiatannya. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga FAMA akan mendirikan 32 buah lagi pusat pemasaran di kawasan-kawasan yang banyak mengeluarkan hasil pertanian dengan tujuan hendak memperbaiki dan menstabilkan lagi pemasaran serta meninggikan lagi pendapatan petani-petani seberapa yang boleh. FAMA juga akan mendirikan kilang-kilang memproses hasil-hasil tanaman seperti koko. Selanjutnya pertubuhan-pertubuhan peladang adalah akan terus-menerus digalakkan dan dibantu menjalankan usaha-usaha pemasaran mereka sendiri serta juga mendirikan kilang-kilang memproses hasil-hasil pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga beberapa orang Ahli Yang Berhormat mengesyorkan supaya pertanian dimodenkan dengan menggunakan jentera-jentera, cara-cara scientific dan sebagainya. Saya sukalah menegaskan sekali lagi di sini bahawa inilah dasar dan tujuan Kerajaan, termasuklah Kementerian Pertanian. Lembaga Pertubuhan Peladang (L.P.P.) sedang giat membekalkan tiap-tiap koperasi peladang dengan sekurang-kurangnya sebuah trektor empat-roda bagi sesebuah L.P.P. Sehingga ini 88 buah trektor telah diberikan kepada koperasi-koperasi peladang. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, L.P.P. telah diperuntukkan \$10.5 juta untuk bekalan kejenteraan ladang bagi petani-petani melalui koperasi-koperasi peladang. Sejumlah \$8.9 juta telah diperuntukkan kepada L.P.P. bagi dijadikan modal pusingan koperasi-koperasi peladang memberi bahan-bahan kimia dan bahan-bahan ladang seperti benih, baka cantum dan sebagainya untuk keperluan ahli-ahli mereka.

L.P.P. juga bercadang untuk membina 7 pusat kejenteraan ladang untuk membaiki jentera-jenteranya dan menjual spare-part iaitu di Kangar, Kuala Trengganu, Tangkak, Kota Bharu, Kuala Pilah, Kuantan dan Ipoh. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga peruntukan sebanyak \$1.4 juta telah disediakan untuk maksud ini.

Dalam tahun 1977 peruntukan pembangunan bagi L.P.P. telah bertambah daripada \$10,257,000 bagi tahun 1976 naik kepada \$15,025,000 bagi tahun 1977.

Tuan Yang di-Pertua, ada Ahli Yang Berhormat mengesyorkan supaya petani-petani diberikan tanah kelompok dengan tujuan dapat dimajukan secara kelompok pula. Tentang pemberian tanah, ini adalah perkara Kerajaan Negeri-negeri. Walau bagaimanapun, memajukan tanah ini boleh dibuat secara kelompok melalui pertubuhan peladang. Bantuan-bantuan boleh diberikan melalui badan-badan tersebut. Demikian juga dengan melalui pertubuhan-pertubuhan peladang tersebut maka akan lebih mudah lagi Bank Pertanian Malaysia menyalurkan bantuan kreditnya kepada petani-petani untuk memajukan tanah-tanahnya.

Ada Ahli Yang Berhormat yang menyentuh banjir di waktu hujan amat lebat di kawasan perairan MADA. Perkara ini sudah mula

dikaji oleh Kementerian saya. Langkah-langkah selanjutnya akan bergantung kepada hasil kajian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ada ahli Yang Berhormat menyentuh masalah kekurangan tenaga manusia di masa menuai padi di kawasan MADA dan oleh kerana masalah ini maka petani-petani mengalami kerugian oleh kerosakan padi-padi mereka. Sukacitalah saya memberitahu Dewan ini bahawa pihak berkuasa MADA berserta dengan sebuah syarikat swasta telah dapat mereka sebuah jentera pelbagaiguna (combine harvester) yang sesuai yang boleh cepat dan banyak menuai, mengolah dan mengangkut padi dari sawah-sawah terus ke jalan-jalan raya atau terus ke kilang-kilang padi. Adalah diharapkan tidak berapa lama lagi jentera tersebut akan dapat digunakan oleh petani-petani di kawasan MADA khasnya dan juga di kawasan-kawasan padi yang lain amnya.

Ada Ahli Yang Berhormat mengesyorkan supaya kerbau dan lembu pawah diberikan tidak kepada petani-petani perseorangan tetapi secara berkelompok. Tujuan diberikan kepada perseorangan ini ialah supaya rumput-rumput di bawah pokok-pokok besar di dalam kebun-kebun petani yang ada itu dijadikan bahan berguna dan menguntungkan bagi ternakan yang menjadi usaha tambahan petani-petani itu. Namun demikian, Jabatan Haiwan boleh juga memberikan ternakan tersebut secara pawah kepada kelompok-kelompok petani. Ini telahpun dilakukan, khasnya dalam konteks projek-projek belia peladang. Bantuan-bantuan pertanian dalam berbagai bentuk yang tersebut ini memanglah untuk seluruh Malaysia, bukanlah sahaja terbatas kepada Semenanjung.

Berkenaan dengan tanaman padi huma yakni tanaman padi kering di kawasan bukit-bukit dan pendalaman di Sarawak, tanaman ini memanglah sangat rendah hasilnya. Saya bercadang hendak menghantar rombongan teknikal keluar negeri untuk mengkaji tanaman padi basah di atas dan di lereng-lereng bukit. Kalau didapati sesuai kelak, maka ada kemungkinan tanaman padi huma di kawasan bukit-bukit dan pendalaman di Sarawak itu akan digantikan dengan tanaman padi basah (terrace cultivation).

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan seseorang ahli lembaga pengarah koperasi tidak boleh memegang jawatan tersebut lebih

daripada enam tahun berturut-turut maka saya sukalah membuat penjelasan di dalam Dewan ini untuk mengelakkan kekeliruan. Tujuannya ialah untuk memudahkan Kerajaan memastikan supaya penyelewengan-penyelewengan tidak dapat tersembunyi terus menerus jika dilakukan dan memudahkan Kerajaan membetulkan serta mengatasi masalah-masalah itu. Ahli-ahli yang telah memegang jawatan itu selama enam tahun berturut-turut boleh memohon dikecualikan daripada syarat ini kepada Pendaftar Koperasi. Dan amnya pengecualian ini akan diberikan dan dengan demikian mereka itu bolehlah terus menerus memegang jawatan ahli lembaga pengarah koperasi itu. Pengecualian tidak akan diberikan jika sekiranya Kerajaan berfikir ada berlakunya penyelewengan dan untuk memudahkan langkah-langkah pembetulan diambil. Mereka yang telah ditolak permohonan dikecualikan itu bolehlah seterusnya merayu kepada Menteri untuk ditimbangkan semula. Pelaksanaan syarat tersebut ini tidaklah menjejaskan perkembangan koperasi, sebaliknya akan menguatkan lagi.

Gerakan koperasi sekolah, memanglah hendak ditambah dan dikuatkan lagi. Langkah-langkah yang perlu akan diambil untuk mencapai tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah bercadang hendak menjawab bahasan berkenaan cukai pendapatan ke atas koperasi. Yang Berhormat Menteri Kewangan akan menjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang dibahas dan tidak saya jawab pada hari ini satu persatu adalah diambil perhatian dan akan dijalankan mana-mana yang sesuai. Penutupnya, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perkara pertanian.

3.42 ptg.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun menyentuh satu dua perkara yang berkait dengan Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang telah meminta supaya Kementerian saya menambah Pusat-pusat Pemulehan memandangkan begitu ramainya penagih-penagih dadah dan ju

meminta supaya dijalankan rawatan yang rapi dan begitu juga meminta supaya pihak pegawai-pegawai bekerja dengan lebih kuat supaya penagih-penagih dadah ini tidak kembali menghisap dadah. Di sini saya ingin menjelaskan iaitu bilangan penagih-penagih dadah yang berdaftar di Jabatan-jabatan Kebajikan Masyarakat daripada 1-10-75 hingga 30-9-76 ialah 1,895 orang dan bilangan yang dimasukkan ke Pusat-pusat Pemulihan Dadah ialah 445 orang. Ini menunjukkan bukanlah semua penagih dadah memerlukan pemulihan di dalam Pusat Pemulihan. Saya sedar bahawa kemudahan-kemudahan pemulihan yang sedia ada memang tidak mencukupi. Oleh itu, Kementerian saya sedang berusaha untuk membina sebuah Pusat Pemulihan yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan rawatan dan pemulihan untuk menampung seramai 400 orang penagih.

Dalam setahun yang lalu Kementerian saya telah menjalankan tanggungjawab ini, saya berasa puas hati atas perkhidmatan yang diberi oleh pegawai-pegawai yang mengendalikannya dan dapatlah saya menyatakan di sini bahawa mereka telah bekerja dengan tidak mengira masa dan tenaga. Seperti yang tuan-tuan sedia maklum kejayaan rancangan ini tentulah bukan bergantung semata-mata di atas kecakapan dan kebolehan kepada kakitangan sahaja, malahan yang lebih penting lagi ialah keinginan dan keazaman penagih-penagih itu sendiri untuk dipulih dan juga kerjasama yang diberi oleh masyarakat terutamanya daripada keluarga-keluarga mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat telah merayu kepada Kementerian saya supaya memberi pandangan berat ke atas keadaan pekerja-pekerja wanita di kilang-kilang yang datang dari luar bandar untuk mengelakkan berlakunya keruntuhan akhlak di kalangan mereka.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, sukaiah saya menjelaskan iaitu berasaskan maklumat-maklumat yang saya telah terima mengenai pekerja-pekerja wanita di kilang-kilang yang datang dari luar bandar yang mana telah menjadi mangsa akibat perbuatan orang-orang yang tidak bertanggungjawab, Kementerian saya telah mengambil tindakan dengan beberapa pertubuhan sukarela iaitu untuk mengadakan rancangan bagi mengatasi masalah-masalah tempat tinggal mereka.

Rancangan ini juga akan melibatkan majikan-majikan dan pekerja-pekerja itu sendiri secara sukarela sahaja. Walau bagaimanapun sejauh mana rancangan ini akan berjaya belumlah dapat dipastikan lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera telah menyatakan iaitu setakat ini, Kementerian Kebajikan Am hanya mempunyai tiga buah Pusat Pemulihan dan beliau itu meminta supaya ditambah lagi dan diadakan selain yang lebih rapi supaya pemulihan penagih-penagih dadah ini bertambah berkesan. Di sini saya suka menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat itu iaitu pembinaan sebuah Pusat Pemulihan yang lengkap akan memakan perbelanjaan lebih kurang \$5 juta. Tambahan pula kecekapan yang istimewa adalah diperlukan oleh tiap-tiap kakitangan untuk menjalankan Pusat-pusat ini. Oleh yang demikian, pembinaan sesebuah Pusat Pemulihan Dadah bukanlah satu perkara yang dapat dijalankan dengan mudah. Selain lanjutan adalah satu perkhidmatan yang penting diuruskan oleh Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat yang terlatih dalam lapangan ini. Setakat ini Kementerian Kebajikan Am telah memberi latihan dalam kelinik-klinik pemulihan penagih-penagih dadah kepada 175 orang Pegawai Kebajikan Masyarakat. Pertimbangan juga sedang dibuat untuk membina sebuah pusat pemulihan yang lengkap.

Ahli Yang Berhormat dari Matang telah mencadangkan supaya penagih-penagih dadah di antara kakitangan-kakitangan Kerajaan, iaitu diadakan Pusat Pemulihan bagi mereka ini samada dibuat secara masing-masing ataupun berkongsi. Dengan ringkasnya sukaiah saya menyatakan iaitu untuk membina sebuah Pusat Pemulihan memakan belanja yang banyak seperti yang saya terangkan tadi dan selain daripada itu Pegawai-pegawai yang terlatih juga adalah diperlukan. Oleh sebab itu tentulah tidak mudah rancangan ini dapat dijalankan, oleh kerana itulah Kementerian Kebajikan Am telah diberi tanggungjawab bagi menjalankan pusat pemulihan yang dibuka kepada semua penagih-penagih dadah.

Ahli Yang Berhormat dari Arau mencadangkan juga iaitu supaya mereka yang menjadi penagih dadah ini dimasukkan ke Pusat-pusat Pemulihan. Di sini sukaiah saya menegaskan pada masa inipun memang sudah ada peraturan yang membolehkan Pegawai

Kebajikan Masyarakat dan Pegawai Polis tidak di bawah pangkat Inspector untuk memerintahkan seorang penagih dadah masuk ke Pusat Pemulihan di bawah Akta Dadah Merbahaya (Pindaan) 1975. Jika penagih-penagih dadah yang diperintahkan itu enggan masuk untuk dipulihkan, ia adalah melanggar undang-undang dan boleh dihukum.

Hanya setakat itu yang perlu saya jelaskan, Tuan Yang di-Pertua.

3.48 ptg.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):

Tuan Yang di-Pertua, sukaiah saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, perhatian malahan teguran di dalam perbincangan ini dan suka saya mengambil kesempatan di sini menyentuh mengenai beberapa perkara cadangan dan komen yang telah dibuat di dalam Dewan ini ketika membincang usul yang telah dibentangkan berhubung dengan Belanjawan tahun 1977.

Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang Akta Penyelarasan Perindustrian. Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah mengesyorkan supaya Akta tersebut dimansuhkan sepertimana yang telah diminta oleh, kata beliau Dewan Perniagaan China Malaysia, kerana kononnya pihak swasta telah hilang kepercayaan mereka terhadap iklim pelaburan di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya sukaiah menegaskan sekali lagi bahawa Akta ini tidak akan dimansuhkan. Akta ini mempunyai tujuan yang terang dan jelas kerana ianya penting dalam usaha Kerajaan memastikan perkembangan yang teratur di dalam sektor perkilangan sejajar dengan objektif juga dasar-dasar perindustrian negara. Kerajaan, melalui Akta ini, tidaklah mempunyai niat yang tidak baik terhadap mana-mana sektor swasta ataupun sengaja hendak menyekat operasi sehari-hari mereka. Walau bagaimanapun, jika ada peruntukan di dalam Akta ini yang mungkin kurang jelas atau tepat pengertiannya yang boleh membuka jalan kepada abuse ataupun penyalahgunaan Akta ini menyebabkan wujudnya perkara yang dianggap tidak adil ataupun bertentangan dengan tujuan Akta ini untuk memperlicinkan dan memperaturkan perkembangan perindustrian sejajar dengan

polisi dasar kepentingan negara maka sebagaimana telah saya nyatakan, pindaan-pindaan yang sesuai akan dilakukan kepada mana-mana peruntukan di dalam Akta ini. Kerajaan telahpun menerima pandangan-pandangan serta syor-syor pindaan dari pihak-pihak swasta yang ada daripada cadangan ini saya dapati menasabah. Kementerian saya sedang mengkaji cadangan pindaan-pindaan yang hendak dibuat itu dan sesudah itu akan berbincang dengan wakil-wakil pihak swasta di dalam Jawatankuasa Kecil mengenai Akta Penyelarasan Perindustrian yang telah ditubuhkan di bawah Consultative Committee di bidang perdagangan dan perusahaan sebelum keputusan muktamad dibuat ke atas pindaan-pindaan yang hendak dilakukan. Saya suka memberi pengakuan di sini bahawa perkara ini adalah diambil perhatian yang berat dari pihak saya dan dari pihak Kementerian.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak telah mencadangkan supaya dibuat "Counter-campaign" untuk menerangkan Akta ini. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian saya telahpun mengambil langkah-langkah yang sesuai melalui Seminar-seminar, Majlis-majlis Dialog, Perjumpaan-perjumpaan dengan kumpulan-kumpulan pengusaha yang tertentu dan juga melalui mesyuarat-mesyuarat Consultative Committee di bidang perdagangan dan perusahaan, untuk memberi penerangan kepada mereka yang terlibat dengan tujuan-tujuan Akta tersebut dan cara-cara ianya dikuatkuasakan. Kementerian saya juga sedang menyediakan satu Booklet yang akan menerangkan kepada semua para pengilang tentang Akta tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya masih ada lagi pihak-pihak yang belum begitu jelas tentang Akta ini mereka boleh berhubung terus dengan Bahagian Perindustrian Kementerian saya ataupun lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA) untuk mendapatkan penerangan yang lebih jelas selanjutnya.

Berkenaan dengan syor Ahli Yang Berhormat dari Dungun supaya di dalam membuat pindaan-pindaan kepada Akta Penyelarasan Perindustrian Kerajaan tidak menukarkan objektif asal Akta tersebut, sukaiah saya menjelaskan bahawa memanglah tujuan Kementerian di dalam membuat pindaan-pindaan itu tidak akan mengubah objektif ataupun tujuan asal Kerajaan mengadakan Akta tersebut.

Penggunaan perkhidmatan bumiputra

Mengenai syor Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah supaya dikenakan syarat-syarat kepada pengeluar-pengular dan pengedar-pengedar untuk menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan Bumiputra misalnya perkhidmatan perkhidmatan pengangkutan, sukalah saya menjelaskan adalah menjadi dasar Kerajaan apabila meluluskan sesuatu projek itu syarikat yang berkenaan diminta menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan yang boleh didapati daripada syarikat-syarikat dan pengusahaan-pengusahaan Malaysia dengan memberi keutamaan kepada syarikat-syarikat dan pengusahaan-pengusahaan Bumiputra.

Saya sedar setengah-tengah syarikat pengangkutan Bumiputra menghadapi kesulitan dalam mendapatkan barang-barang mencukupi untuk diangkut. Sebab utama pada pendapat saya ialah kerana syarikat-syarikat yang sedang menjalankan perniagaan mereka sekarang ini telahpun melantik syarikat-syarikat pengangkutan mereka sendiri. Oleh itu, peluang bagi Bumiputra adalah bergantung kepada projek-projek baru yang diluluskan oleh Kementerian saya. Atas dasar inilah Kerajaan telah mengenakan syarat kepada semua projek yang diluluskan oleh Kementerian supaya memberi keutamaan kepada syarikat-syarikat dan pengusahaan-pengusahaan Bumiputra.

Pembuangan pekerja di Swedish Motor Assemblies

Berkenaan dengan perkara pembuangan pekerja-pekerja di Swedish Motor Assemblies yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya sukalah menjelaskan bahawa sebelum lesen pemasangan kereta-kereta dikeluarkan kepada Syarikat Tan Chong pada tahun 1974, syarikat itu telah disyaratkan supaya menarik diri daripada Swedish Motor Assemblies secara berperingkat-peringkat untuk mengelakkan kejadian pembuangan pekerja-pekerja secara beramai-ramai. Malangnya jumlah pekerja-pekerja yang sebenarnya dikehendaki oleh Syarikat Tan Chong adalah kurang daripada jumlah pekerja-pekerja yang telah diberhentikan oleh Swedish Motor Assemblies. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah campurtangan di dalam perkara ini dan selepas perundingan dengan pihak berkenaan sejumlah besar daripada mereka yang telah diberhentikan daripada pekerjaan mereka telah

diambil semula. Usaha terus dijalankan supaya yang masih belum diambil, yang sekarang ini tidak besar bilangannya akan diambil bekerja semula.

Yang Berhormat itu juga telah menimbulkan kebimbangan terhadap berlakunya pembuangan pekerja akibat lesen memasang kereta-kereta yang dikatakan telah diberikan kepada Syarikat Loh Boon Siew. Sukalah saya menjelaskan iaitu adalah tidak benar Kerajaan telah memberikan lesen memasang kereta kepada Loh Boon Siew, Syarikat itu hanya mempunyai lesen memasang motosikal. Bagi kereta-kereta pula Loh Boon Siew ialah pemegang francise kereta-kereta Honda tetapi tidak mempunyai lesen untuk menuhkan kilang memasang kereta tersebut. Walau bagaimanapun, syarikat ini boleh memasang kereta itu dengan mana-mana syarikat pemasangan kereta yang terdapat di dalam negara ini. Saya suka menasihatkan Ahli Yang Berhormat itu supaya menyelidiki hakikat yang sebenarnya sebelum membuat sesuatu dakwaan yang melulu di dalam Dewan ini.

Pelaburan di Luar Bandar

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh dan Yang Berhormat dari Padang Rengas untuk menggalakkan pelabur—pelabur melabur di tempat-tempat yang kurang maju, ingin saya menyatakan bahawa memanglah menjadi dasar Kerajaan untuk menempatkan industri-industri ke tempat yang kurang maju. Setakat ini dasar ini telahpun mencapai kemajuan yang agak memuaskan.

Adalah benar bahawa di tahun-tahun perusahaan perindustrian mula ditubuhkan di negara ini, penumpuan industri ialah di kawasan-kawasan bandar. Kerajaan dalam usahanya untuk menyelerakkan industri-industri ke kawasan luar bandar telah mengambil beberapa tindakan antaranya ialah memperkenalkan galakan-galakan tambahan di Akta Galakan Pelaburan 1968 termasuk Galakan Tempat Kedudukan yang baru diperkenalkan di mana projek-projek perkilangan yang ditempatkan di kawasan-kawasan Galakan Tempat dan Kedudukan adalah layak mendapat pengecualian cukai sehingga 10 tahun lamanya. Hasil dari ini kita telah berjaya menyelerakkan industri-industri ke kawasan yang kurang maju dalam masa Rancangan Malaysia Yang Kedua. Ini rasa saya terbukti umpamanya di dalam tahun

1971, dari jumlah 304 projek yang telah diluluskan hanya 131 projek ataupun 43.09% telah diluluskan bagi ditempatkan di kawasan kurang maju, manakala di dalam tahun 1975 dari jumlah 461 projek, 312 projek ataupun 67.6% telah diluluskan bagi ditempatkan di kawasan-kawasan yang kurang maju.

Adalah menjadi dasar Kerajaan bagi meneruskan penyelerakkan industri-industri ke kawasan-kawasan luar bandar dengan lebih giat lagi di dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga.

Untuk menjawab cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun untuk membina kilang berasaskan kepada bahan-bahan mentah iaitu ikan yang terdapat di dalam kawasanya, inginlah saya menyatakan bahawa Kementerian saya telah pun meluluskan sebuah projek mengetin ikan tongkol di Dungun. Kerajaan percaya perusahaan seumpama ini dapat digalakkan lagi untuk ditempatkan di kawasan tersebut dan bersedia untuk menimbangkan pemberian galakan cukai kepada projek-projek yang layak.

Kementerian saya telah juga mengambil perhatian terhadap perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar untuk menggalakkan pembinaan kilang yang berasaskan bahan mentah pertanian iaitu baja dan cendawan di Perlis dan kami akan mengambil perhatian tentang cadangan tersebut apabila menemui bakal-bakal pelabur yang akan mendirikan industri-industri tersebut di masa hadapan.

Bahagian Antarabangsa

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah supaya pihak Kerajaan mempelawa ahli-ahli peniaga yang cenderung untuk berkhidmat sebagai Pesuruhjaya Perdagangan, inginlah saya menyatakan bahawa Kementerian saya telah pun memikirkan secara mendalam perkara melantik secara kontrek ataupun sementara ahli-ahli peniaga yang cenderung untuk memegang jawatan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan di seberang laut. Perkara ini perlu diawasi dan dikaji dengan mendalamnya oleh kerana mungkin timbul berbagai rupa kesulitan. Pertama, ahli-ahli peniaga yang dilantik mungkin mengutamakan kepentingannya sendiri serta membelakangkan cita-cita dan hasrat Kerajaan dan walaupun syarat-syarat

tertentu boleh dikenakan, masaalah mungkin timbul bagi mendapatkan ahli-ahli peniaga yang sesuai bagi jawatan tersebut.

Mengenai cadangan Yang Berhormat dari Kuala Selangor, yang mencadangkan supaya Kerajaan menggalakkan perdagangan di antara Malaysia dan Indonesia, inginlah saya memaklumkan di sini bahawa jumlah perdagangan di antara Malaysia dan Indonesia telah meningkat daripada \$240 juta dalam tahun 1970 kepada \$254 juta dalam tahun 1975. Dalam bidang galakan perdagang, Kerajaan telah dan akan terus menjalankan usaha-usaha untuk menggalakkan perdagangan di antara kedua-dua negara ini.

Selain dari itu Malaysia dan Indonesia adalah sungguh aktif di dalam lapangan kerjasama ekonomi ASEAN terutama sekali di bidang perdagangan dan perindustrian. Langkah-langkah tersebut di atas dijangka akan dapat mengeratkan lagi perhubungan perdagangan di antara Malaysia dan Indonesia.

Merujuk kepada cadangan Ahli Yang Berhormat dari Setapak bahawa Kerajaan mengadakan pameran-pameran kecil di luar negeri, saya suka memberitahu bahawa Malaysia mempunyai 19 buah pejabat perdagangan di luar negeri pada masa ini dan di tiap-tiap pejabat tersebut, barang-barang perkilangan Malaysia ada dipamerkan. Kementerian saya sedang merancang untuk memperbesarkan bilik pertunjukan barang-barang perkilangan yang ada di pejabat-pejabat ini supaya lebih banyak lagi barang-barang perkilangan tempatan dapat dipamerkan. Dengan ini diharapkan lebih ramai lagi pembeli-pembeli dan pengimpot-pengimpot di negara-negara di mana pejabat perdagangan ditubuhkan dapat melihat dan meneliti mutu dan anika jenis barang-barang yang dikeluarkan oleh pekilang-pekilang Malaysia.

Selain daripada ini Malaysia juga telah menyertai 17 Pameran Perdagangan Antarabangsa dan mengadakan 2 Pameran Perdagangan secara persendirian di luar negeri dari tahun 1973 hingga ke bulan September tahun ini. Bagi tahun-tahun muka, Kementerian saya sedang merancang untuk mempergiatkan lagi penyertaan di dalam pameran-pameran perdagangan antarabangsa dan mengendalikan pameran-pameran perdagangan secara persendirian.

Mengenai soalan Yang Berhormat dari Padawan yang meminta penjelasan di atas langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mendapatkan pasaran di luar negeri bagi keluaran perkilangan dan barangan utama, suka saya menyatakan di sini bahawa Kementerian ini telahpun menubuhkan Pejabat-pejabat Perdagangan di kesemua negara-negara rakan perdagangan penting Malaysia. Setakat ini Kementerian ini telahpun menubuhkan sebanyak 19 buah Pejabat Perdagangan diseberang laut, sebuah lagi Pejabat Perdagangan Dubai dijangka akan ditubuhkan pada awal tahun hadapan untuk memperhebatkan lagi langkah galakan eksport negara ini ke kawasan Asia Barat.

Kementerian ini telah mengadakan berbagai kemudahan kepada Pesuruhjaya Perdagangan bagi memudahkan pelaksanaan kerjanya termasuk mengadakan jawatan-jawatan kakitangan ambilan tempatan seperti Pegawai Pemasaran bagi tujuan membantu Pesuruhjaya Perdagangan dalam pelaksanaan kerjanya. Di samping itu Kementerian ini juga bercadang untuk mengadakan Bilik Pamiran di setiap Pejabat Perdagangan di seberang laut untuk mempamerkan barang-barang perkilangan negara ini.

Keterangan-keterangan dan maklumat-maklumat pasaran yang diterima daripada Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan di seberang laut disebarkan kepada para pengusaha dan peniaga tempatan, Dewan-dewan perniagaan, persekutuan pekilang-pekilang Malaysia melalui risalah-risalah, majallah-majallah terbitan Kementerian ini seperti "Trade Abroad" dan "Overseas Market Report".

Kementerian ini telahpun melengkapkan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan di seberang laut dengan pengetahuan-pengetahuan perlu untuk membolehkan mereka menjalankan tugas masing-masing dengan lebih kemas dan dengan sempurna lagi. Sebelum dihantar ke seberang laut untuk memegang jawatan selaku Pesuruhjaya Perdagangan atau Penolong Pesuruhjaya Perdagangan, mereka dihantar terlebih dahulu berkursus di atas bidang kerja masing-masing samada di Australia, Geneva ataupun United Kingdom.

Mengenai syor Yang Berhormat dari Baling supaya diadakan kerjasama di antara pedagang-pedagang luar negeri dan Kerajaan

kita, suka saya nyatakan kepada Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengadakan kerjasama dengan pedagang-pedagang luar negeri melalui Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan kita di luar negeri. Dari masa ke semasa ahli-ahli Dewan Perniagaan asing adalah dijemput untuk melawat Malaysia dengan tujuan untuk merapatkan perhubungan perdagangan. Apabila pedagang-pedagang persendirian luar negeri melawat Malaysia, Kementerian ini juga mengaturkan pertemuan-pertemuan mereka dengan peniaga-peniaga tempatan.

Bersabit dengan syor Ahli Yang Berhormat tersebut untuk membuat kajian yang lebih banyak dan kemas di seberang laut mengenai perdagangan kajian-kajian mengenai perdagangan luar negeri telah, sedang dan akan terus dijalankan oleh Kementerian ini melalui Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan di luar negeri. Maklumat-maklumat perdagangan sesuatu negeri yang telah diterima daripada Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan adalah lengkap dan kemas, dan di antaranya telahpun dicetak dan diedarkan kepada pengeksport-pengeksport di dalam negara kita.

Mengenai syor Ahli Yang Berhormat juga supaya menambahkan penjualan barang-barang untuk menarik modal ke dalam negeri, suka saya menyatakan bahawa di bidang eksport, dasar Kementerian ialah untuk menambahkan eksport-eksport dengan setinggi-tingginya. Selaras dengan dasar ini, Kementerian ini telah dan akan terus menggalakkan eksport Malaysia ke luar negeri dengan mengadakan lebih banyak lagi pamiran perdagangan di dalam dan di luar negeri dan juga menghantar rombongan-rombongan misi perdagangan mengandungi peniaga-peniaga kita yang boleh mengenalkan barang-barang yang dikeluarkan oleh mereka kepada peniaga-peniaga yang ada di luar negeri.

Di samping itu, saya telah juga mengarahkan Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan di dalam bidang menggalakkan lebih banyak pelaburan dari segi usaha-sama di dalam negara untuk menggalakkan lebih banyak lagi usaha supaya langkah diambil menarik banyak lagi pelaburan asing dengan menghantar lebih banyak lagi rombongan galakan pelaburan sebagaimana yang telah kita lakukan baru-baru ini ke Eropah,

Amerika Syarikat dan Canada dan juga menjemput pengeksport atau pelabur modal daripada luar negeri datang ke negara kita melihat dengan sendirinya di atas peluang-peluang yang boleh diperolehi mereka di dalam negara kita dari segi pelaburan.

Penyertaan Bumiputra dalam Perdagangan dan Perindustrian

Merujuk kepada cadangan Yang Berhormat dari Permatang Pauh meminta Kerajaan memberi lebih peluang kepada bumiputra menjadi agen-agen kepada syarikat-syarikat dan juga penyiasatan mendalam dibuat terlebih dahulu sebelum peluang diberi kepada seseorang bumiputra ingin saya menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa menumpukan usaha supaya syarikat-syarikat melantik lebih banyak pengedar-pengedar serta wakil-wakil pengedar bumiputra. Industri-industri baru yang diluluskan dikehendaki memberi keutamaan kepada bumiputra untuk mengedar barang-barang keluarannya. Kerajaan juga menggunakan jasa baik serta pengaruhnya untuk meminta lain-lain syarikat memberi seberapa banyak peluang kepada bumiputra untuk mengedarkan barang-barang keluarannya atau barang-barang yang diimpotnya. Dari masa ke semasa Kerajaan mengawasi kemajuan perlantikan pengedar-pengedar serta wakil-wakil pengedar bumiputra dengan meminta syarikat-syarikat tertentu mengemukakan laporan-laporan mengenai bilangan pengedar-pengedar serta wakil-wakil pengedar bumiputra dan bukan bumiputra yang dilantiknya. Syarikat-syarikat ini juga dikehendaki melaporkan 'volume' barang-barang yang diedarkan oleh agen-agen bumiputra dan bukan bumiputra. Di samping itu juga Kerajaan tidak ketinggalan mengawasi kemajuan pengedar-pengedar dan wakil-wakil pengedar bumiputra dalam menjalankan perniagaan mereka dan memberi mereka berbagai jenis bantuan yang boleh diberi.

Dalam memperakukan perlantikan bumiputra sebagai pengedar atau wakil pengedar, Kerajaan sejauh mana yang boleh memang ada membuat penyiasatan tentang keupayaan bumiputra ini menjadi pengedar atau wakil pengedar. Penyiasatan sedemikian juga dilakukan oleh syarikat-syarikat sebelum mereka melantik agen-agen daripada kalangan bumiputra. Dalam usaha untuk membuka peluang-peluang yang luas kepada bumiputra menjadi agen-agen, Kerajaan pernah memperakukan kepada syarikat-syarikat tertentu

melonggarkan sedikit kelayakan-kelayakan menjadi pengedar dan wakil pengedar di mana tidak terdapat syarikat-syarikat bumiputra yang memenuhi semua kelayakan yang diperlukan.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Baling supaya Kerajaan menubuhkan Yayasan Perdagangan untuk memajukan bumiputra dalam usaha untuk membimbing mereka di dalam bidang perdagangan dan juga Yayasan tersebut digunakan untuk mempereratkan perhubungan di antara Kerajaan Negeri dan agensi-agensi Kerajaan, sukalah saya memaklumkan bahawa satu Yayasan Perdagangan untuk tujuan tersebut tidaklah perlu pada masa ini memandangkan bahawa sudah ada rasa saya agensi-agensi Kerajaan seperti MARA, UDA, Pusat Daya Pengeluaran Negara dan lain-lain lagi yang boleh memberikan perkhidmatan-perkhidmatan yang dicadangkan itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga dalam tahun 1973 Pusat Daya Pengeluaran Negara dalam usahanya untuk mempercepatkan penyertaan bumiputra di dalam bidang perniagaan, satu Bahagian yang dinamakan "Perkhidmatan Bumiputra" telah ditubuhkan. Antara lain, Bahagian ini mengendalikan program yang dinamakan "Melahir dan Membina Usahawan Bumiputra". Matlamat program tersebut adalah:

- (i) Untuk menanam serta memupuk kemahuan keusahawan di kalangan Bumiputra;
- (ii) Membantu memulakan sesuatu perniagaan/perusahaan;
- (iii) Memajukan usahawan Bumiputra yang sedia ada;
- (iv) Memperbaiki dan melicinkan perjalanan perusahaan.

Bagi mencapai matlamat tersebut, Pusat Daya Pengeluaran Negara melalui program melatih dan membina usahawan bumiputra telah memperkenalkan konsep "usahawan".

Semua kursus, mereka bukan sahaja diajar cara-cara pengurusan perniagaan/perusahaan, malahan mereka diberitahu akan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan, agensi-ajensinya dan swasta berkenaan dengan peluang-peluang kewangan, tempat perniagaan, khidmat nasihat dan latihan yang lebih lanjut.

Usaha melatih usahawan Bumiputra dilipatgandakan lagi dengan adanya satu rancangan khas "Melatih seramai 17,000 usahawan Bumiputra" di dalam jangka masa lima tahun (Rancangan Malaysia Ketiga). Rancangan ini telah bermula pada bulan Julai dan sehingga bulan Oktober, 1976 sebanyak 17 kursus khas tersebut telah dijalankan untuk lebih kurang 400 peserta. Sebanyak 140 kursus melatih dan membina usahawan Bumiputra dijadualkan pada tahun 1977 untuk lebih kurang 4,200 peserta.

Mengenai syor Ahli Yang Berhormat dari Bachok supaya sebuah Jabatan Khas ditubuhkan di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menyelaraskan penyertaan bumiputra dalam bidang perdagangan, suka saya memaklumkan bahawa sebuah Bahagian Penyertaan Bumiputra telah ditubuhkan di Kementerian untuk menyelaras dan mempergiatkan penyertaan bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian pada tahun 1974 yang lalu. Walau bagaimanapun, tanggungjawab Bahagian ini adalah terhadap kepada bidang-bidang di bawah pentadbiran Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sahaja dan tidak menyeluruh segala bentuk kegiatan perdagangan dan perindustrian. Bahagian ini sedang mengambil usaha untuk memperkukuhkan kedudukannya supaya kegiatan-kegiatan penyelarasan dapat dijalankan dengan lebih licin dan sempurna lagi.

Bahagian Penguatkuasa

Mengenai perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah supaya kawalan harga barang-barang yang diperlukan seperti bahan-bahan binaan hendaklah disemak semula oleh kerana setengah-setengah pengeluar sengaja mengurangkan pengeluaran supaya harga keluaran tersebut akan naik, suka saya memaklumkan bahawa Kementerian saya pada masa ini ada mengenakan pengawasan harga ke atas beberapa jenis barang-barang keperluan termasuk bahan-bahan binaan penting seperti simen dan besi waja yang telah dilaksanakan dengan cara pentadbiran di mana pengilang-pengilang dikehendaki terlebih dahulu mendapatkan kelulusan dari Kementerian saya sebelum harga barang-barang tersebut dapat dinaikkan. Walau bagaimanapun, keadaan sekarang tidak memerlukan kawalan harga barang-barang itu disemak semula memandangkan bahawa harga barang-barang tersebut adalah telah beransur baik. Kementerian saya juga

sentiasa mengawasi pengeluar-pengeluar besi waja supaya mereka tidak mengurangkan pengeluaran mereka. Bagi 8 jenis barang-barang kawalan yang telah dilesenkan termasuk besi waja, kelulusan adalah dikehendaki daripada Kementerian jika seseorang pengilang bercadang hendak memberhenti ataupun mengurangkan pengeluaran kilangnya. Seseorang pengilang juga hendaklah menjalankan kendalian-kendalian pengilangannya mengikut tempoh yang dinyatakan dalam lesennya melainkan jika ianya dibenarkan oleh Kementerian saya secara bertulis untuk mengurangkannya.

Berkenaan dengan pengeluaran bahan-bahan binaan yang penting seperti simen dan besi waja, jumlah daya pengeluaran pengilang-pengilang didapati akan bertambah pada tahun hadapan dengan adanya rancangan-rancangan Kerajaan untuk menggalakkan perkembangan industri tersebut.

Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Silam yang telah mendakwa bahawa Kementerian saya tidak mengambil tindakan yang efektif terhadap pekedai-pekedai runcit yang tidak meletakkan tanda harga pada barang-barang jualan, ingin saya menyatakan bahawa Kementerian saya memang sedar bahawa ada di antara pekedai-pekedai runcit yang masih tidak meletakkan tanda harga ke atas barang-barang jualan mereka. Walau bagaimanapun, tindakan penguatkuasaan telah tidak diambil buat sementara waktu kerana Kementerian saya sedang mengkaji beberapa pindaan yang perlu dibuat pada perintah-perintah tanda harga supaya perintah-perintah tersebut dapat diperkuatkuasakan dengan lebih berkesan lagi dan tidak menimbulkan kesulitan di antara pihak-pihak berkenaan dalam melaksanakannya.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Patani mengenai kekurangan bekalan minyak oleh sebab kempen Anti-Sorok masih tidak berkesan suka saya menyatakan bahawa Kempen Anti-Sorok masih dikuatkuasakan di semua negeri kecuali di negeri Sarawak dengan tujuan untuk menentukan bekalan barang-barang keperluan sentiasa mencukupi dan tindakan undang-undang telah diambil terhadap peniaga-peniaga yang melakukan kesalahan. Sejak Kempen Anti-Sorok dimulakan pada 1-3-1974 sebanyak 191 kes telah diambil termasuk tindakan-tindakan terhadap peniaga-peniaga minyak tanah, petrol dan

diesel. Bagi menentukan bahawa bekalan minyak tersebut sentiasa mencukupi, Kementerian saya juga telah melaksanakan perlesenan ke atas pengkilang-pengkilang, pemborong-pemborong dan peruncit-peruncit bahan-bahan minyak tersebut dan Kementerian juga telah mengambil tindakan utama untuk mengarahkan pengkilang-pengkilang dan pemborong-pemborong minyak tanah dan diesel supaya menambahkan bekalan mereka kepada pelanggan-pelanggannya supaya kekurangan tidak berlaku.

Mengenai perkara kekurangan minyak tanah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mukah dan Ahli Yang Berhormat dari Kanowit yang mengesyorkan supaya Kerajaan memastikan bekalan yang cukup di tiap-tiap daerah terutamanya barang-barang keperluan, sukalah saya menyatakan bahawa Pegawai-pegawai Penguatkuasa Kementerian saya telah menjalankan siasatan berkenaan dengan kekurangan minyak tanah di daerah Mukah dan tindakan telah diambil untuk mengarahkan syarikat-syarikat minyak yang berkenaan untuk menambahkan bekalan minyak tanah ke daerah tersebut itu. Syarikat-syarikat minyak juga akan diminta melantik pengedar-pengedar tambahan bagi kawasan tersebut jika didapati perlu. Dengan pelaksanaan perlesenan barang-barang perlu termasuk minyak tanah di peringkat peruncit oleh Kerajaan Negeri baru-baru ini, maka kesulitan-kesulitan bekalan akan dapat diatasi dengan lebih berkesan lagi.

Sebagai jawapan kepada Ahli Yang Berhormat dari Seremban mengenai inflasi, saya suka memberi jaminan bahawa Kerajaan akan sentiasa menyambung dan menambahkan usaha-usaha untuk menstabilkan harga barang-barang keperluan. Harus saya mengingatkan Ahli Yang Berhormat di sini, bahawa kenyataan Yang Berhormat bahawa kadar inflasi semakin naik adalah saya rasa tidak benar.

Mengikut Laporan Ekonomi 1976/1977 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia baru-baru ini, kadar inflasi seperti ternyata daripada Angkatunjuk Harga Pengguna bagi Semenanjung Malaysia pada tahun bulan pertama 1976 adalah harga 2.1% berbanding dengan 6.3% pada tempoh yang sama pada tahun 1975. Tambahan pula kadar inflasi pada keseluruhannya pada tahun 1976 di jangka akan mencatatkan kenaikan harga

sebanyak 4.5% sahaja berbanding dengan 17.4% pada tahun 1974.

Harga Gula

Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai kejatuhan harga gula di pasaran dunia sebagaimana yang ditunjukkan oleh Pasaran Harian London pada masa ini jika dibandingkan dengan tahun 1974 adalah benar sekiranya perbandingan tersebut dibuat di antara harga gula mentah yang paling tinggi dicapai pada 21hb November, 1974 sebanyak M\$3,770 satu tan panjang dan harga sekarang yang berada di lingkungan M\$492 satu tan panjang.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam tahun 1974 dunia mengalami kekurangan bekalan gula dan ini telah mengakibatkan harga gula mentah di pasaran dunia melambung naik tinggi. Di bawah keadaan yang begitu dan untuk menjamin bekalan gula kepada negara, Kerajaan pada tahun 1974 telah menandatangani Perjanjian Bekalan Gula Jangka-panjang selama 6 tahun dengan Australia dan Fiji dalam tahun itu di mana mereka akan membekalkan sebanyak 70% keperluan gula mentah negara pada tiap-tiap tahun. Harga yang ditetapkan di bawah Perjanjian ini ialah M\$722.55 satu tan panjang dan harga ini pada masa itu sangatlah rendah jika dibandingkan dengan harga pasaran dunia pada masa itu iaitu sebanyak M\$2,552 satu tan panjang. Dengan perjanjian ini Kerajaan telah dapat mengelakkan kenaikan harga runcit gula di pasaran tempatan di mana dalam tahun 1974 sepatutnya dinaikkan kepada \$2.60 sekati dan dalam tahun 1975 kepada 90 sen sekati.

Pada masa Malaysia menandatangani Perjanjian Bekalan Gula Jangka-panjang, negara-negara lain seperti Jepun, Korea dan Singapura telah juga menandatangani perjanjian yang sama dengan Australia untuk menjamin bekalan. Di masa itu kita tidak menyangka dan saya percaya negara-negara lain macam Singapura, Jepun dan Korea tidak menyangka bahawa pengeluaran gula akan bertambah baik dan harga gula di pasaran dunia akan turun dengan banyaknya dalam tahun ini. Pakar-pakar gula di pasaran dunia juga tidak menyangka bahawa keadaan kekurangan bekalan gula dalam tahun 1974 akan digantikan dengan keadaan kelebihan bekalan dalam tahun 1976. Walau bagaimanapun, langkah sedang diambil oleh Kerajaan.

untuk menghubungi pihak Australia untuk mengkaji semula beberapa aspek Perjanjian tersebut supaya harga di bawah perjanjian ini dibuat lebih berpatutan dengan harga gula di pasaran dunia sekarang ini.

Mengenai kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa taukeh-taukeh gula tempatan telah mengaup keuntungan daripada harga runcit yang tinggi pada masa ini, kenyataan ini adalah tidak benar. Ini ialah disebabkan di bawah Perjanjian Bekalan Gula Jangka-panjang dengan Australia dan Fiji, kilang-kilang tempatan dikehendaki mendapatkan gula mentah daripada Australia dan Fiji dengan harga yang telah ditetapkan di bawah perjanjian itu. Pada masa ini harga yang ditetapkan di bawah perjanjian itu adalah tinggi daripada harga di pasaran dunia dan kilang-kilang gula tempatan tidak mendapat membuat keuntungan daripada harga gula mentah yang rendah di pasaran dunia. Di samping itu Kementerian saya sentiasa mengawasi harga gula runcit di pasaran tempatan supaya kilang-kilang tempatan tidak membuat keuntungan yang luar biasa.

Canton Trade Fair (Pamiran Perdagangan Canton)

Mengenai pengimpotan barang-barang daripada Pamiran Perdagangan Canton yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor itu, ingin saya memaklumkan bahawa cara perdagangan yang dibuat oleh Negeri China adalah melalui Perbadanan-perbadanan Perdagangan negeri tersebut, yang mana mempunyai pejabat-pejabat cawangan-nya di Hong Kong dan juga di Singapura. Pamiran Perdagangan Canton hanyalah satu Pamiran Perdagangan di mana segala barang-barang buatan Negeri China adalah dipamirkan dan pembelian-pembelian atau pesanan-pesanan tidak semestinya dilakukan di situ sahaja tetapi pesanan-pesanan boleh juga dibuat melalui pengedar-pengedar di Hong Kong dan juga di Singapura.

Dasar Kerajaan mengenai perdagangan dengan Negeri China adalah untuk mengujudkan perdagangan secara langsung dengan Negeri China dan hanya barang-barang yang mudah busuk dan ubat-ubat dari kayu-kayu akar adalah dibenarkan diimpot melalui Hong Kong dan Singapura. Dalam perkara ini, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak akan mengeluarkan lesen-lesen

impot jika pengimpotan-pengimpotan disalurkan melalui pihak yang ketiga kecuali untuk barang-barang yang mudah busuk dan ubat-ubat China yang saya sebutkan di atas tadi.

Perbadanan Kemajuan Pelancungan

Mengenai syor Yang Berhormat dari Tumpat supaya Kerajaan membesarkan Perbadanan Kemajuan Pelancungan dan membuka lebih banyak pejabat luar negeri bagi membuat kerja-kerja penggalakan supaya lebih ramai pelancung-pelancung akan melawat negeri ini, Kerajaan adalah sedia menyedari mengenai keperluan bagi Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia diperbesarkan dan telahpun mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi mencapai matlamat ini. Ini terbukti kerana dari seramai 154 orang pegawai dan kakitangan yang diperolehi oleh Perbadanan di dalam tahun 1972/73, bilangan ini telahpun meningkat kepada 308 orang di dalam tahun 1976. Begitu juga, dari segi peruntukan kewangan, Perbadanan telahpun diberikan peruntukan berjumlah \$8,026,860 bagi tahun ini berbanding dengan \$4,580,735 di dalam tahun 1972/73.

Di samping itu, pada tahun yang lalu, Kerajaan telah juga mengambil langkah meminda Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia 1972 yang bertujuan di antara lain untuk membolehkan Perbadanan melantik seorang Timbalan Pengerusi yang juga menjadi Ketua Pengarah dan Ketua Eksekutif. Pindaan-pindaan tersebut adalah didapati perlu untuk memperkukuhkan serta memperkemaskan lagi jentera pentadbiran Perbadanan tersebut. Di bidang penggalakan luar negeri, Perbadanan telahpun mempergiatkan usahanya dengan menubuhkan 6 Pejabat Penerangan Pelancungan Malaysia yang bertempat di Tokyo, Bangkok, Singapura, Australia, London dan juga San Francisco. Adalah di jangka 2 pejabat penerangan lagi akan ditubuhkan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, satu di Hong Kong dan satu lagi di Frankfurt, Jerman Barat.

Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah mengesyorkan kepada Kerajaan supaya memesatkan lagi penggalakan pelancungan di antara Indonesia dan Malaysia terutama sekali di kalangan golongan menengah dan golongan bawahan dan kedua-dua pemerintah harus menyediakan "Restricted Passport" selama dua minggu bagi membolehkan

pelawat-pelawat kedua-dua negara membuat kunjungan antara satu sama lain. Ingin saya menyatakan bahawa di dalam usaha untuk memajukan lagi industri pelancungan di negara ini, adalah menjadi matlamat Kerajaan menerusi Perbadanan Kemajuan Pelancungan, untuk menumpukan perhatian bukan sahaja kepada pasaran-pasaran yang tertentu seperti Eropah, Jepun dan Amerika Syarikat bahkan lebih-lebih lagi yang diutamakan ialah pasaran-pasaran yang berhampiran seumpama Singapura, negeri Thai dan juga Indonesia. Ini adalah kerana dari sejumlah satu juta pelawat-pelawat yang biasa mengunjungi ke negara ini tiap-tiap tahun lebih 54% adalah datangnya dari negara-negara ASEAN. Bilangan pelancung-pelancung dari Indonesia juga turut bertambah dari setahun ke setahun. Ini terbukti kerana dari seramai 29,885 orang pelawat-pelawat Indonesia, yang berkunjung ke negara ini di dalam tahun 1972, angka tersebut telah seterusnya meningkat kepada 33,250 di akhir tahun 1975.

Sebagai menggalakkan perjalanan di kalangan warganegara ASEAN, Kerajaan sejak tahun 1968, telah juga melulus serta melaksanakan perakuan Jawatankuasa Tetap ASEAN Mengenai Pelancungan yang bertujuan untuk memberi kemudahan lawatan tanpa visa bagi tempoh 7 hari kepada warga-negara negeri-negeri ASEAN yang lain termasuk warganegara Indonesia yang melancung ke negeri ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan telahpun mengambil keputusan baru-baru ini untuk melanjutkan tempoh lawatan tanpa visa tersebut dari 7 hari kepada 14 hari. Perkara ini sedang dikaji oleh pihak-pihak berkenaan bagi maksud perlaksanaannya. Di samping itu, untuk menggalakkan lawatan secara berkumpulan (package tour) dan lawatan charter (inclusive chartered tours) di antara negeri-negeri ASEAN, satu peraturan yang dinamakan "Common collective travel documents in lieu of passports" telah juga diamalkan oleh ke semua negeri-negeri ASEAN termasuk negara ini. Dokumen perjalanan bersama ini adalah diberi dan diiktirafkan kepada kumpulan pelawat-pelawat yang ramainya tidak kurang dari 5 orang dan tidak pula melebihi 20 orang yang melancung secara rombongan ke negeri-negeri ASEAN.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Tuan Yang di-Pertua, koram tidak cukup.

(*Locing dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 Ahli hadir*)

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Yang akhirnya sekali, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepala Batas, sukalah saya menyatakan adalah sukar untuk menentukan banyak manakah saham-saham yang telah kepada bumiputra melalui peruntukan saham bumi-putra masih berada di dalam tangan mereka terutama sekali saham-saham syarikat yang dipasarkan di Pasaran Saham Kuala Lumpur di mana tidak ada dikenakan sekatan terhadap pasaran saham-saham tersebut. Bagi saham-saham Syarikat Sendirian Berhad, penjualannya adalah terbatas dan saham-saham tersebut tidak boleh dijual kepada siapa pun tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Daripada jumlah 277.6 juta saham yang dikhaskan kepada bumiputra di dalam syarikat-syarikat perindustrian yang telah dilaksanakan dari tahun 1971 hingga 1975 sebanyak 171.6 juta telah dibeli oleh bumiputra. Ini bermakna masih terdapat lagi sebanyak 106 juta ataupun 38% lagi yang belum dibeli oleh mereka. Maka suka juga saya menyatakan adalah sukar juga untuk menentukan dengan jelas sejauh manakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menolong kaum bumiputra mengambil bahagian yang lebih cergas lagi di dalam bidang pembelian saham. Walau bagaimanapun, memandangkan kepada penyertaan bumiputra yang meningkat di mana dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua penyertaan bumiputra telah meningkat kepada 12% daripada jumlah pelaburan dalam syarikat-syarikat perindustrian yang telah dilaksanakan, maka dapatlah dinyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan adalah berkesan.

Potongan gaji pegawai-pegawai Kerajaan bumiputra sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah bergantung kepada keizinan pegawai-pegawai itu sendiri. Kerajaan sanggup memberikan pertimbangan yang sewajarnya sekiranya pegawai-pegawai tersebut sendiri telah bersetujui rancangan tersebut. Walau bagaimanapun perkara ini memerlukan kajian yang lebih mendalam sebelum dapat dilaksanakan.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus meminta supaya pembatek dibenarkan membawa masuk kain putih daripada luar negeri, oleh kerana harga kain putih daripada luar negeri untuk pembatek adalah lebih murah daripada kain putih yang dijual di sini, saya suka menyatakan bahawa kita terpaksa mengawal kemasukan kain putih untuk menjaga kedudukan kilang yang ada di Kajang yang bahagian sahamnya banyak dimiliki oleh bumiputra menerusi MARA dan sebagainya dan dalam perkara ini, saya suka menyatakan dan saya telah mengadakan perundingan dengan Persatuan-persatuan Pembatek Negeri Kelantan dan Trengganu dan mereka telah bersetuju supaya syarikat-syarikat di bawah jagaan mereka diberi kuasa penuh ataupun ejensi untuk menjual, mengedar kain-kain putih yang dikeluarkan oleh kilang kita diedarkan, dijual kepada pembatek-pembatek yang ada di Kelantan dan Trengganu dengan tujuan supaya kita dapat mengatasi masalah kekurangan kain putih untuk pembatek-pembatek.

4.38 ptg.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi membalas ucapan-ucapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Belanjawan, 1977 mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian saya. Terlebih dahulu saya mohon mengucapkan terima kasih di atas segala pandangan, teguran-teguran, syor-syor yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah meminta Kementerian ini mengambil tindakan ke atas permit-permit teksi dan lori yang telah di Alibabakan. Kementerian saya sentiasa mengambil perhatian berat terhadap pengaduan-pengaduan yang diterima mengenai kes-kes meng'alibabakan permit teksi atau lori dan penyiasatan yang rapi adalah dijalankan sebelum sebarang tindakan tegas diambil seperti menggantung lesen-lesen atau membatalkan terus lesen-lesen tersebut.

Oleh yang demikian jika sekiranya Ahli Yang Berhormat tersebut ada maklumat-maklumat berkenaan dengan kes-kes Alibaba

ini saya suka mengalu-alukan supaya dapat dikemukakan ke Kementerian saya supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun telah menyentuh berkenaan dengan pemberian lesen teksi dan meminta Kerajaan memberikan keutamaan kepada pemandu-pemandu teksi sewa di dalam pemberian lesen teksi.

Memang menjadi dasar Kementerian saya apabila mengeluarkan permit-permit teksi dan kereta sewa, keutamaan diberikan kepada bekas-bekas perajurit dan bekas-bekas polis dan juga kepada pemandu-pemandu teksi yang telah lama menceburkan diri dalam lapangan perniagaan teksi dan kereta sewa tetapi belum mempunyai permit mereka sendiri. Sungguhpun demikian Kementerian saya tidaklah dapat memberikan permit-permit kepada setiap pemohon-pemohon yang terdiri dari golongan orang-orang yang saya sebutkan itu. Ini ialah disebabkan oleh kerana permit-permit teksi dan kereta sewa dikeluarkan atas dasar kekosongan yang disyorkan bagi satu-satu tempat atau kawasan tertentu dan hanya bilangan yang ditetapkan sahaja boleh dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum biasanya bilangan pemohon-pemohon untuk mendapatkan permit teksi yang telah diisytiharkan adalah berlipat ganda banyaknya daripada bilangan permit yang hendak dikeluarkan. Oleh itu Lembaga Pelesenan terpaksa memilih orang-orang yang paling layak diberikan permit tersebut. Sungguhpun terdapat ramai daripada mereka itu yang terdiri dari pemandu-pemandu teksi Lembaga Pelesenan tidak boleh meluluskan semua permohonan mereka itu disebabkan kekosongan untuk pengkalan yang berkenaan itu terhad.

Oleh itu sungguhpun Kementerian ini sentiasa memberikan keutamaan kepada pemohon-pemohon permit teksi yang terdiri daripada pemandu-pemandu teksi namun demikian kementerian saya tidaklah boleh meluluskan dengan serta-merta permohonan tersebut semata-mata kerana mereka telah lama membawa teksi, tetapi permohonan mereka perlu ditimbang oleh Lembaga Pelesenan pada masa temuduga bersama-sama dengan pemohon-pemohon lain dan mereka yang paling layak boleh diberikan permit teksi.

Berkaitan dengan permit teksi juga Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang telah merayu supaya pertimbangan yang sewajarnya diberikan oleh Kementerian saya kepada pemohon-pemohon yang disokong oleh wakil-wakil rakyat.

Kementerian saya adalah memberikan pertimbangan yang sewajarnya di atas semua permohonan-permohonan permit teksi, baik yang diberikan sokongan oleh Wakil-wakil Rakyat dan sebagainya ataupun tidak. Berhubung dengan sokongan-sokongan oleh wakil-wakil rakyat ini saya sangat-sangat menghargai sokongan-sokongan ikhlas dari Ahli-ahli Yang Berhormat itu yang mana sedikit-sebanyaknya telah memberikan panduan dan bantuan kepada Lembaga Pelesenan untuk menentukan pemberian permit kepada pemohon-pemohon yang paling berkelayakan.

Walau bagaimanapun, saya tidaklah dapat memberikan jaminan bahawa semua permohonan-permohonan permit yang disokong oleh Wakil Rakyat akan semestinya diluluskan, oleh kerana Lembaga Pelesenan adalah memberikan pertimbangan dan perhatian dengan secara yang lebih mendalam terhadap faktor-faktor lain yang melayakkan seseorang itu mendapat permit teksi. Kelayakan-kelayakan seperti yang saya sebutkan awal-awal tadi adalah penting dan mereka yang ada mempunyai kelayakan-kelayakan yang cukup sungguhpun tidak mendapat sokongan mana-mana orang kenamaan juga harus diberikan pertimbangan yang saksama.

Ahli Yang Berhormat dari Maran telah meminta supaya dipergiatkan kempen keselamatan jalanraya supaya kadar kemalangan jalanraya-jalanraya dapat dikurangkan. Saya ingin memaklumkan bahawa kempen-kempen keselamatan jalanraya yang dilancarkan tiap-tiap tahun akan terus diperhebatkan dengan tujuan untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai tentang tanggungjawab-tanggungjawab mereka apabila menggunakan jalanraya. Kempen-kempen tahunan ini diperluas dari setahun kesetahun dengan menambah daya usaha pengajaran terhadap pengguna-pengguna jalanraya dengan mengeluarkan bahan-bahan kempen yang lebih dan juga membuat seranta melalui Talivesyen, Radio, akhbar dan massmedia yang lain. Usaha-usaha ini

dijalankan oleh Majlis Keselamatan Jalanraya Malaysia dan diperluaskan juga oleh kempen-kempen yang dianjurkan oleh Majlis Keselamatan Jalanraya Negeri di peringkat Negeri dan daerah.

Saya suka menegaskan bahawa kempen-kempen yang dijalankan ini sebenarnya tidak akan memberi kesan di dalam mengurangkan bilangan kemalangan jalanraya kalau sekiranya pengguna-pengguna jalanraya sendiri tidak mempunyai kesedaran dan berkerjasama menggunakan jalanraya itu dengan cermat. Oleh yang demikian, di samping ikhtiar-ikhtiar yang dijalankan oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kemalangan jalanraya ini kerjasama semua pihak termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat adalah diperlukan untuk memberikan kesedaran kepada semua pengguna-pengguna jalanraya akan hakikat bahawa kemalangan jalanraya akan hanya boleh diatasi sekiranya mereka sentiasa berwaspada.

Beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyeru supaya kemudahan bekalan api elektrik dan air diperluaskan di kawasan-kawasan luar bandar. Antaranya ialah Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tumpat, Permatang Pauh, Matang, Parit dan Batang Padang.

Berhubung dengan bekalan elektrik luar bandar ini, saya telah memberi makluman di dalam persidangan Dewan Rakyat yang lepas ketika Dewan membahaskan Rancangan Malaysia Ketiga bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketiga Kementerian saya telah diberikan satu peruntukan yang besar untuk melaksanakan rancangan bekalan elektrik luar bandar di seluruh negara. Dengan peruntukan yang besar ini, saya yakin kebanyakan kawasan luar bandar akan mendapat bekalan api elektrik menjelang akhir Rancangan Malaysia Ketiga.

Demikian juga dengan rancangan bekalan air luar bandar di mana satu rancangan yang lebih besar juga dijangka akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh menyentuh masalah kekurangan bahan-bahan yang telah menyebabkan kegendalaan di dalam pelaksanaan rancangan elektrik luar bandar.

Sebenarnya masalaah ini memang pernah dialami oleh Lembaga Letrik Negara dalam tahun 1973 dan 1974 di mana keadaan keadaan inflasi berlaku. Walau bagaimanapun masalaah ini telah dapat dipulihkan pada masa sekarang dan adalah diharapkan masalaah kekurangan bahan-bahan ini tidak akan timbul lagi dan merumitkan pelaksanaan projek-projek dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam pula telah menyentuh berkenaan dengan beberapa masalaah berkaitan dengan bekalan letrik ke Bukit Mertajam. Perkara ini adalah diambil perhatian. Pihak Lembaga Letrik Negara telah diberitahu berkenaan masalaah ini untuk disiasat dan mengatasi segala kekurangan-kekurangan yang telah disebutkan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah meminta supaya pengawasan yang lebih diberikan ke atas kakitangan di Pejabat-pejabat RIMV kerana katanya terdapat pegawai-pegawai yang menjalankan kerja dengan cara tidak jujur. Aduan ini adalah diambil perhatian dan di samping itu sukacita jika sekiranya Ahli Yang Berhormat itu ada maklumat-maklumat yang khusus berkenaan dengan ketidakjujuran pegawai-pegawai ini untuk dikemukakan ke Kementerian saya supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Belud, Padawan, Limbang, Penampang dan Serian dan beberapa orang lagi Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak telah menyentuh berkenaan dengan jalan-jalan di Sabah dan Sarawak di dalam keadaan yang buruk dan menggesa dibina lebih banyak lagi jalan-jalan di kedua-dua negeri tersebut. Kementerian saya adalah sedar dengan kedudukan jalanraya-jalanraya di Sabah dan Sarawak. Maka dengan sebab itulah Kerajaan telah dan sedang dan juga akan memberi peruntukan yang sesuai setakat mana yang termampu oleh Kerajaan kita untuk memperbaiki atau mengadakan jalan-jalan di Sabah dan Sarawak.

Berkenaan dengan jalanraya-jalanraya luar bandar pula, cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian dan Kementerian saya akan berhubung dengan

Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan untuk menentukan supaya projek-projek itu dapat dipertimbangkan untuk dilaksanakan.

4.48 ptg.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas teguran-teguran yang telah dikemukakan terhadap Kementerian saya dan saya akan mengambil ingatan dan perhatian serta tindakan selanjutnya ikut di mana yang boleh.

Saya suka menyentuh tentang teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah mengenai kegiatan Rancangan Simpanan Jimat Cermat Kebangsaan yang dikendalikan oleh (Amanah Saham MARA Nominee Sdn. Bhd.). Ahli Yang Berhormat itu mengatakan ia tidak begitu puas hati di atas kegiatan-kegiatan tersebut dan mencadangkan supaya satu gerakan raksaksa diadakan. Cadangan ini akan dikaji dengan lebih mendalam lagi. Sementara ini Kementerian saya akan berhubung dengan Kementerian Penerangan bagi mendapat kerjasama dalam memberi penerangan mengenai kegiatan-kegiatan Rancangan Simpanan Jimat Cermat Kebangsaan ini kepada rakyat jelata.

Berhubung dengan perkara mengeluarkan bantuan kewangan bagi membantu pentadbiran Persatuan Peniaga Kecil Bumiputra, sememangnya sudah ada bantuan kewangan diberikan oleh MARA.

Menyentuh tentang masalaah pemaju perumahan Bumiputra yang mesti mendapatkan Bank Guarantee maksima sebanyak \$100,000 atau wang pertaruhan 10% berdasarkan kos projek bagi pemaju-pemaju perumahan yang mempunyai modal dibayar kurang dari \$250,000, saya diberi faham oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan iaitu Menteriannya berkuasa menimbangankan pengecualian kepada pemaju-pemaju kecil bagi memajukan 10/20 buah rumah-rumah di luar bandar dan beberapa pengecualian telahpun diberi. Juga bagi pemaju-pemaju bumiputra yang sebenar dalam bandar-bandar besar yang mempunyai projek yang boleh menguntungkan (viable) tetapi pemaju itu tidak boleh memenuhi syarat itu iaitu deposit dengan Kementerian Perumahan,

UDA ada juga memberi kemudahan bagi menjadi penjamin untuk mendapatkan lesen pemaju perumahan.

Menyentuh tentang teguran dari Ahli Yang Berhormat dari Seremban tentang lapuran tahunan dan kewangan semua Badan-badan Awam di bawah Kementerian saya, saya suka menegaskan iaitu sememangnya-lah Perbadanan-perbadanan tersebut dikhendaki membentangkan lapuran-lapuran tahunan dan kewangan mereka di Parlimen ataupun di Dewan Undangan Negeri di mana yang berkenaan. Kementerian telahpun mengambil tindakan dan membuat peraturan untuk mengawasi supaya lapuran-lapuran tersebut dapat dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri dalam masa yang ditentukan.

Menyentuh tentang teguran dari Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang mengenai MARA, saya suka memaklumkan iaitu keadaan pada satu ketika dahulu memang ada masalah-masalah dan kelewatan-kelewatan mendapatkan pinjaman MARA, tetapi beberapa langkah telahpun diambil untuk memperbaiki kedudukan ini.

Mulai tahun 1976 ini keadaan kewangan dan cara memberikan pinjaman kepada peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha bumiputra telah bertambah baik dan terkawal.

MARA telah mengamalkan sehingga hari ini keutamaan menyegerakan pinjaman untuk rancangusaha pemborong binaan dan rancangusaha pengangkutan. Proses permohonan untuk rancangusaha-rancangusaha ini dipercepatkan.

Mulai tahun ini juga MARA telah mengadakan sekim pinjaman secara "supervised Credit" di mana misalnya bagi sesuatu projek itu pembayaran membeli alat-alat machine dibuat terus kepada pembekal dan disusul pula dengan nasihat teknik dan pengurusan dari masa ke semasa. Ini adalah bagi menentukan supaya pinjaman yang diberi oleh MARA digunakan dengan betul.

Di sini juga saya suka mengambil kesempatan memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa mulai dari 4hb November, 1976 MARA dengan persetujuan saya telah menaikkan had pinjaman sebanyak :

- (a) \$20,000 untuk modal pusingan bagi semua perniagaan dan perusahaan;

- (b) \$60,000 untuk modal pusingan bagi kerja borongan binaan untuk kontraktor kelas C ke bawah (nilai kontrak tidak melebihi \$250,000); dan

- (c) \$50,000 untuk membeli kenderaan bagi maksud perniagaan dan perusahaan (kecuali teksi yang hadnya cuma \$25,000).

Saya juga suka menyeru kepada mereka-mereka yang telah mendapat kemudahan pinjaman MARA ini memikul bersama amanah dan tanggungjawab iaitu membayar balik pinjaman mengikut perjanjian.

Menyentuh tentang teguran Ahli Yang Berhormat dari Matang mengenai penyerahan saham kepada Syarikat Kerjasama, memanglah menjadi hasrat Kerajaan untuk berbuat demikian iaitu menyerahkan saham-saham Badan-badan Berkanun ataupun anak-anak syarikatnya kepada Bumiputra dan syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Bumiputra apabila didapati badan-badan ini membuat keuntungan dan arahan-arahan telahpun dikeluarkan oleh Kerajaan mengenai cara-cara penyerahan itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sebelum saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab, saya ada menerima banyak surat-surat permintaan hendak memberi jawapan lebih dahulu daripada Yang Berhormat Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri. Saya suka menerangkan, iaitu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri mestilah dihabiskan hari ini juga. Sekiranya tidak selesai sebelum 6.30 petang maka terpaksa satu usul dikemukakan di sini supaya tidak ditangguhkan Dewan ini sehingga selesai urusan hari ini.

Kedua, mana-mana permintaan yang alasannya saya fikir lebih menasabah, maka saya akan minta Yang Berhormat Menteri itu lebih dahulu daripada yang lain, oleh kerana sudah banyak permintaan, maka kenalah ditimbangkan mana yang lebih menasabah.

Saya jemput Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan.

4.55 ptg.

Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Michael Chen Wing Sum): Tuan Yang di-Pertua, saya suka terlebih

dahulu mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara berkaitan Kementerian saya yang kebanyakannya merupakan cadangan-cadangan yang membangun.

Saya suka mengulangi kenyataan bahawa Kerajaan sememangnya sedar bahawa perumahan adalah di antara keperluan-keperluan asas yang terpenting bagi rakyat di negara ini. Keperluan ini adalah lebih ketara di kalangan rakyat yang berpendapatan rendah, terutama sekali di bandar-bandar. Oleh kerana itulah maka dasar perumahan negara ditumpukan kepada mengadakan berbagai-bagai peluang bagi semua lapisan rakyat mendapat tempat kediaman yang sesuai (decent shelter) sebagai langkah permulaan menuju objektif memiliki rumah sendiri. Dalam hal ini golongan berpendapatan rendah adalah diberi perhatian yang lebih dan digesa supaya berusaha mendapatkan "decent shelter" andainya mereka belum mampu memiliki rumah mereka sendiri.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian saya telah diberi peruntukan sebanyak \$479.5 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini bagi membiayai projek-projek perumahan awam kos rendah. Ini adalah ditujukan khasnya kepada golongan rakyat berpendapatan rendah. Walaupun angka itu masih dianggap kecil oleh setengah-setengah pihak tetapi jika dibandingkan dengan peruntukan-peruntukan yang telah diluluskan bagi Rancangan-rancangan lima (5) tahun yang lalu peruntukan itu adalah besar. Di sini saya suka membetulkan kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban. Sebenarnya peruntukan bagi Rancangan Perumahan Awam yang diperlukan oleh Kementerian saya untuk tahun 1977 bagi seluruh negara ialah \$111,342,820 dan bukannya \$57 juta sebagaimana yang dianggap oleh Ahli Yang Berhormat itu. Angka \$57 juta itu adalah peruntukan bagi tahun 1976 yang telahpun diluluskan di persidangan yang lalu Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar sekiranya peruntukan sebanyak ini hendak dipadankan dengan permintaan (demand) rumah dari golongan berpendapatan rendah di seluruh negara, itu sememangnya tidak mencukupi. Sumber kewangan negara adalah terbatas pada sesuatu masa dan perlu dibahagi-bahagikan kepada aktiviti-aktiviti yang

lain; yang tidak kurang penting juga dari perumahan. Kerajaan bukan sahaja berharap membina seberapa banyak rumah dari peruntukan yang ada itu tetapi juga telah mengaturnya strategi-strategi yang termasuk mengredkan semula mutu perumahan (housing standards), mempasti aktiviti-aktiviti pemaju-pemaju perumahan swasta serta menggalakkan rakyat berusaha supaya hasil daripada usaha-usaha ini akan menambatkan jumlah perumahan keseluruhannya. Di bawah Rancangan Perumahan Awam agensi-agensi Kerajaan sudah dapat merendahkan lagi kos rumah-rumah agar harganya tercapai oleh seberapa ramai rakyat dalam golongan berpendapatan rendah, tanpa menjejaskan kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan. Sebagai contoh, projek perintis rumah berderet kelompok (cluster link houses) di Cheras dan rumah teres kayu di Tampoi, Johor adalah menuju ke matlamat ini.

Selain daripada itu ada Kerajaan-kerajaan Negeri yang telahpun memberi tapak-tapak rumah yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti jalan dan bekalan air bagi membolehkan rakyat yang diberi tanah-tanah itu, terutama sekali golongan berpendapatan rendah, membina rumah-rumah mereka sendiri. Dengan adanya semangat berdikari, yang sememang hidup segar di kalangan rakyat Malaysia, ramai sudah penduduk-penduduk kampung yang telah berjaya mendirikan rumah-rumah mereka sendiri dengan bantuan minima atau tanpa bantuan langsung dari Kerajaan. Apa yang hendak saya tegaskan di sini ialah, bahawa kesedaran dan penyertaan sama yang kian membangun dari semua lapisan rakyat dengan mereka menggunakan peluang-peluang yang ada dan yang disediakan itu, adalah merupakan langkah yang paling progresif dan efektif sekali bagi mencapai matlamat memiliki rumah sendiri. Kerajaan menggalakkan penyertaan rakyat dalam pencapaian ini dan akan terus memberi bantuan sewajarnya mengikut objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru.

Walaupun bukan satu perkara yang mudah bagi Kerajaan untuk memenuhi keperluan perumahan untuk semua rakyat, khasnya dari golongan berpendapatan rendah pada sesuatu ketika, tetapi usaha kita adalah tegas. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menggesa supaya lebih banyak

yunit rumah pangsa kos rendah dibina di Wilayah Persekutuan. Saya suka menerangkan di sini bahawa sebahagian besar dari peruntukan yang dipinta di bawah Belanjawan ini adalah untuk Wilayah Persekutuan dan projek-projek yang hendak dilaksanakan kebanyakannya terdiri dari rumah-rumah pangsa. Manakala projek-projek baru akan dihadkan kepada 4-5 tingkat "walk-up flats", projek-projek yang telah diluluskan sebelum itu pula adalah daripada rumah pangsa "high rise". Rumah-rumah ini adalah bagi golongan berpendapatan rendah yang memerlukannya termasuklah setinggan-setinggan yang dianggap layak menerimanya. Rumah-rumah itu bukanlah bagi tujuan penempatan semula khas untuk setinggan-setinggan sahaja sebagaimana yang dianggap oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kerana selain daripada mereka, ada rakyat yang bukan setinggan yang perlu diberi perumahan demi perpaduan dan keselamatan negara.

Dalam memperkatakan tentang usaha-usaha bagi menemui keperluan perumahan negara, faktor seperti kecukupan jentera pentadbiran dan pembangunan agensi-agensi perlaksanaan berkenaan adalah tidak kurang pentingnya. Dan, walaupun kita boleh berjaya mencapai peringkat perancangan yang cekap, tetapi cepat atau lewatnya projek-projek tersebut dapat dilaksanakan akan bergantung pula kepada faktor-faktor lain, umpamanya, keupayaan Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga Dewan Bandaraya untuk menyediakan tapak-tapak projek, faktor-faktor kos, tawaran, pembekalan bahan-bahan binaan, kecukupan pemborong dan pembina yang memainkan peranan yang sama pentingnya dalam perlaksanaan sesuatu rancangan perumahan.

Kerajaan sedar bahawa pemaju-pemaju perumahan swasta berlesen adalah satu kumpulan perusahaan yang boleh memainkan peranan yang penting membantu Kerajaan memajukan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah sekiranya mereka mahu. Setakat ini bilangan yang menunjukkan minat ke arah ini masih kurang. Sekalipun mereka kesemuanya belum dapat memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah, usaha mereka yang terhad itu akan kita sambut baik andainya mereka berjaya menyediakan rumah-rumah dalam lingkungan harga antara \$10,000 dan \$25,000. Kementerian saya telah mengambil beberapa langkah untuk menyedarkan pemaju-pemaju perumahan swasta

yang berlesen tentang keperluan ini. Bagi pemaju-pemaju yang telah berjaya itu Kementerian saya kerap memberi mereka ketutamaan dalam layanan kepada permohonan mereka kerana mereka telah memberi layanan kepada keperluan golongan pendapatan rendah. Namun demikian, banyak lagi pemaju-pemaju swasta yang masih belum berbuat demikian. Dalam hal ini yang mustahak sekali ialah inisiatif mereka sendiri dan peranan positif masyarakat seluruhnya. Mereka mesti sedar dan ikhlas tentang kewajiban terhadap kepentingan negara.

Kementerian saya sentiasa bersedia memberi segala apa bantuan dan nasihat kepada pemaju-pemaju perumahan, khasnya kepada mereka yang berniat hendak memajukan perumahan kos rendah dan sederhana rendahnya. Ia juga bersedia untuk bergiat memberi bantuan dan galakan kepada rakyat yang hendak menjadi seorang pemaju perumahan, khasnya mereka daripada golongan Bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan Kemajuan Perkampungan pula, saya rasa ulasan oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh yang menyatakan bantuan yang diberi oleh Kementerian saya hanyalah kepada kampung-kampung baru sahaja itu tidaklah benar. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu tersedia maklum, Kementerian saya ini baru ditubuhkan dua tahun lalu dan sejak itu hingga bulan Mac tahun ini, liputan Kementerian saya telah dihadkan kepada 465 buah kampung-kampung baru. Namun demikian, bantuan telah pun diberi kepada kampung-kampung lain terutama yang berdekatan kampung-kampung baru. Kebanyakan daripada kampung-kampung ini adalah di bawah tanggungjawab dan menerima bantuan daripada Kuasa-kuasa Tempatan dan pejabat-pejabat Daerah berkenaan. Dari segi bantuan yang telah diberi oleh Kerajaan dari peringkat Persekutuan ataupun Negeri jumlahnya adalah besar dan liputan layanannya adalah luas. Malah bukanlah terhad kepada kampung baharu sahaja.

Saya suka menegaskan di sini bahawa Kementerian saya akan terus memberi bantuan setakat yang boleh kepada lebih banyak kampung-kampung, baik kampung-kampung baru atau kampung-kampung lain, terutama sekali kampung-kampung yang mengalami masalah-masalah keselamatan dan kemiskinan serta mereka yang masih

kurang atau tiada kemudahan asas. Peruntukan \$4.0 juta yang dipinta bagi tahun 1977 adalah melebihi angka-angka yang lalu. Ianya akan digunakan untuk maksud tersebut dan bukanlah sebagai disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Selayang untuk perumahan bagi kampung-kampung baru.

Setakat ini sahaja saya anggap perlu mengulas tentang syur-syur serta teguran Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi perkara-perkara yang tidak saya sentuh pada hari ini sebenarnya telahpun saya jawab dalam ucapan-ucapan Belanjawan Kementerian saya dan juga semasa menjawab soalan mulut Ahli-ahli Yang Berhormat dari masa ke semasa di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Jadual Waktu yang kita telah tetapkan iaitu sebelas hari diuntukkan bagi perbahasan ini iaitu termasuk dua hari untuk Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab, tetapi oleh sebab satu hari telah diselamatkan semalam iaitu yang diuntukkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tidak digunakan satu hari penuh, dengan sebab itu ada satu hari lebih lagi. Oleh kerana itu kiranya ada lagi Yang Berhormat Menteri yang tidak sempat menjawab hari ini, bolehlah disambung pada hari Isnin. Jadi, tidak perlu dilanjutkan sidang ini lebih daripada 6.30 kerana satu hari sudah selamat. Dengan sebab itu, sekarang ini saya jemput Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menjawab, selepas itu saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan kerana Yang Berhormat itu tidak ada pada hari Isnin.

5.11 ptg.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Tuan Yang di-Pertua, lebih dahulu saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran-teguran dan juga pandangan-pandangan kepada Kementerian saya, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan. Saya hanya sekadar hendak menjawab beberapa sahaja daripada teguran-teguran itu.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjung yang telah mengulas bahawa sekiranya dasar Kerajaan untuk menyusun semula penguasa-penguasa tempatan itu hendak dilaksanakan

dan mencapai objektif-objektif yang ditetapkan maka penguasa-penguasa tempatan hendaklah diberi bantuan kewangan. Di sini sukalah saya menyatakan bahawa Kabinet telah menubuhkan 2 buah Jawatankuasa Kewangan, satu daripadanya untuk mengkaji dan membuat perakuan berkenaan dengan Pembahagian Hasil-hasil Negara kepada penguasa-penguasa tempatan, dan satu lagi berkenaan dengan pembiayaan pembangunan Penguasa-penguasa Tempatan. Kedua-dua Jawatankuasa ini adalah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Tak Berportfolio Tan Sri Chong Hon Nyan di Jabatan Perdana Menteri dan saya mendapat faham bahawa Jawatankuasa ini sedang menyediakan laporannya untuk diserahkan kepada Kabinet tidak berapa lama lagi untuk pertimbangan.

Berkaitan dengan mewujudkan satu perkhidmatan Kerajaan Tempatan yang diintegrasikan supaya anggota-anggota Kerajaan Tempatan boleh ditukarkan sebagaimana juga pegawai-pegawai perkhidmatan awam, saya adalah difahamkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam sedang mengkaji hal ini dan adalah terlalu awal bagi saya hendak menerangkan di sini akan langkah-langkah yang akan diambil untuk menghasilkan matalamat ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Mertajam telah menyebutkan mengenai Pegawai-pegawai Kanan LPKT. Lembaga Penguasa Kerajaan Tempatan Seberang Perai yang kebanyakannya daripada tinggal di Pulau Pinang. Ingin saya memaklumkan iaitu sepanjang yang saya tahu Pengerusi LPKT sendiri pada masa ini adalah tinggal di Seberang Perai. Oleh itu, sebarang urusan yang berbangkit di luar masa pejabat bolehlah dikemukakan terus kepada beliau untuk diuruskan.

Berhubung dengan sungutan adanya permohonan-permohonan pelan-pelan bangunan adalah dimaklumkan bagi pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu bahawa perkara ini telah saya bincangkan sendiri dengan Pengerusi LPKT Seberang Perai tatkala saya melawat ke sana baru-baru ini dan beliau telah berjanji akan mempercepatkan segala urusan berkait dengan pertimbangan permohonan pelan-pelan tersebut. Kelewatan-kelewatan seperti ini mungkin tidak dapat dielakkan

sekiranya terdapat sebarang bahagian pelan-pelan itu yang tidak mengikuti Undang-undang Kecil Bangunan yang dikuatkuasakan pada masa ini dan apabila ini berlaku pelan-pelan itu terpaksa dikembalikan kepada yang berkenaan untuk dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyentuh mengenai peruntukan bagi rancangan perumahan harga murah Dewan Bandaraya yang mana adalah jauh dari mencukupi. Hal ini adalah disebutkan oleh masalah tanah yang sangat terhad di Wilayah Persekutuan untuk menampung penduduk yang semakin bertambah disebabkan penghijrahan penduduk-penduduk yang pesat dari luarbandar ke bandar-bandar raya Kuala Lumpur ini.

Kawasan-kawasan tanah Kerajaan yang sesuai untuk rancangan perumahan harga murah telahpun diduduki pula oleh setinggan-setinggan sejak beberapa tahun yang lalu. Kerumitan ini membantutkan banyak rancangan-rancangan pembinaan rumah-rumah murah di kawasan Bandaraya ini selagi setinggan-setinggan ini tidak dapat dipindahkan ke tempat-tempat yang lain apa lagi jika setinggan-setinggan ini makin bertambah dari sehari ke sehari.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga peruntukan yang lebih besar adalah diberikan kepada rancangan perumahan harga murah dan Kerajaan percaya masalah perumahan ini akan dapat dikurangi dengan lebih berkesan lagi.

Yang Berhormat itu juga telah membuat teguran bahawa setinggan-setinggan tidak diberi kemudahan asas yang cukup seperti bekalan air paip, letrik dan sebagainya. Sebenarnya adalah menjadi dasar Dewan Bandaraya untuk memperbaiki keadaan di kawasan-kawasan setinggan serta taraf hidup penduduk-penduduk atas dasar-dasar peri kemanusiaan dengan cara mengadakan kemudahan-kemudahan asas seperti paip umum, jalan dan jambatan, tandas kemudahan-kemudahan permainan dan kemasyarakatan dan memberi bantuan dalam kerja-kerja gotong-royong bagi membersihkan kawasan-kawasan setinggan dengan tujuan mengawal serta menjamin kesihatan penduduk-penduduknya. Projek-projek seumpama ini berjalan berterusan dari setahun ke setahun pada masa-masa yang lalu.

Namun demikian, Dewan Bandaraya tidaklah dapat memberikan kemudahan-kemudahan asas kepada semua kawasan-kawasan setinggan dalam satu jangka masa yang pendek. Keutamaan dalam menyediakan kemudahan-kemudahan asas adalah dijalankan secara berperingkat-peringkat berdasarkan faktor-faktor di bawah ini:

- (a) Berapa lama kawasan tersebut telah didiami oleh setinggan.
- (b) Samada kawasan setinggan tersebut akan terlibat dengan projek-projek pembangunan atau rancangan-rancangan Kerajaan.
- (c) Luas kawasan tersebut dan jaraknya dengan pusat bandar.

Dewan Bandaraya juga terpaksa berhati-hati di dalam menyediakan kemudahan asas di kawasan-kawasan setinggan kerana dari segi lain hal ini akan menggalakkan kelahiran kawasan-kawasan setinggan dengan pesatnya. Seperti yang diketahui gejala-gejala perkembangan setinggan ini adalah satu masaalah yang buruk dan boleh merumitkan kepada perkembangan bandar dan negara umumnya.

Dan dengan ini juga, saya suka menyatakan bahawa orang ramai tidaklah boleh ditangkap bahawa kemudahan-kemudahan yang diberikan itu sebagai suatu langkah untuk membiakkan setinggan tetapi ini diberikan semata-mata di atas asas-asas peri kemanusiaan.

Ahli dari Hilir Perak yang menegur tentang adanya iklan-iklan yang lucu di bandar-bandar dan di dalam panggung wayang. Saya suka menegaskan di sini bahawa pihak Polis dapat bertindak atas hal itu pada bila-bila masa sahaja sekiranya dapat dilaporkan dimanakah adanya iklan-iklan seperti itu. Kementerian saya juga sentiasa mengawasi sekiranya ada iklan-iklan yang ditampal yang menjolok mata ataupun yang berlawanan dengan syarat-syarat yang dibenarkan untuk papan-papan tanda dan iklan yang ada dikuatkuasakan oleh Penguasa-penguasa tempatan.

Mengenai satu teguran daripada Yang Berhormat Ahli daripada Matang mengenai rumah-rumah yang dibina oleh Dewan Bandaraya, saya suka menyatakan lagi sekali bahawa adalah rumah-rumah murah yang dapat dibina oleh Dewan Bandaraya begitu

terhad, ini adalah oleh sebab-sebab kekurangan tanah dan tidaklah dapat dielakkan orang ramai daripada berebut-rebut memohonnya sebagaimana yang dikatakan itu.

Adapun berkenaan dengan tapak-tapak tanah rumah di dalam kawasan Dewan Bandaraya adalah tidak terletak di bawah bidang kuasa Dewan Bandaraya sendiri ataupun Kementerian saya.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

5.20 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan ke atas perjalanan pelaksanaan rancangan-rancangan dalam Kementerian Pertahanan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah mengulangi lagi perkara-perkara yang telah beliau timbulkan dalam soalan-soalan dan keterangan-keterangan yang telahpun dibuat. Nampaknya Ahli Berhormat tidak akan berputus asa menimbulkan persoalan walaupun penjelasan-penjelasan yang penuh telah dibuat. Ahli Yang Berhormat menimbulkan perkara-perkara yang sama tetapi stylenya sahaja yang lain. Jikalau Ahli Yang Berhormat berkehendakkan suatu jawapan yang hanya boleh diterima oleh beliau, saya minta maaf kerana saya tidak dapat menyesuaikan jawapan saya mengikut nafsu Ahli Yang Berhormat. Saya hanya dapat menerangkan apa yang sebenarnya berlaku. Saya berharap jikalau sehingga ini Ahli Yang Berhormat itu dapat pangkal atau hujung sesuatu perkara yang ditimbulkannya itu, dengan penerangan-penerangan saya ini saya berharap akan dapat memberi gambaran yang sempurna. Tetapi tidak! Ahli Yang Berhormat masih tidak mahu menerimanya.

Soal pokok yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dan punca kepada semua persoalan-persoalan ini ialah peraturan-peraturan pembelian kapal-kapal ronda SPICA-M dan peranan yang dimainkan oleh badan professional iaitu Jawatankuasa Penilaian Teknikal yang dianggotai oleh pegawai-pegawai Tentera Laut Diraja Malaysia. Masaalah-masaalah teknikal dalam pembelian kapal-kapal ronda ini ditimbulkan sebagai alat/alasan sahaja oleh Ahli

Yang Berhormat untuk tujuan-tujuan beliau membuktikan yang Kementerian Pertahanan seolah-olah bersengaja memilih kapal jenis SPICA-M walaupun mengikut beliau kapal jenis ini adalah tidak sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Teknikal ini ditugaskan untuk menilai kesesuaian kapal-kapal yang ditenderkan. Ianya diberi kuasa untuk memanggil sebarang maklumat tambahan yang diperlukan untuk maksud-maksud mereka, sehingga mereka dapat membuat dan menentukan mana-mana di antara tender itu sesuai. Ini sudahpun dilakukan oleh Jawatankuasa tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sendiri setuju peranan penting yang dimainkan oleh Jawatankuasa ini. Jawatankuasa ini telah membuat pendapatnya yang 4 jenis kapal adalah sesuai dan nama-nama 4 penender-penender ini telah dapat diketahui oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dengan tepat sungguhpun nama-nama ini tidak diumumkan dan saya sendiri tidak mengetahuinya sehingga ianya dibangkitkan. Ahli Yang Berhormat telah membuat keputusan sendiri dan juga menggunakan nama Jawatankuasa Teknikal untuk menyokong tuduhan beliau yang kapal jenis SPICA-M yang telah dipilih oleh Kerajaan adalah tidak sesuai atas sebab-sebab teknikal. Kata beliau selanjutnya beliau memperkatakan tentang cara-cara pembayarannya. Kenyataan Ahli Yang Berhormat tentang sifat-sifat atau specification yang terdapat pada kapal jenis SPICA-M dan juga kapal-kapal lain yang ditenderkan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah benar dan tidak saya nafikan. Tetapi segala keterangan dan huraian Ahli Yang Berhormat yang menyoal keputusan Kementerian Pertahanan memilih kapal jenis SPICA-M ini dan mengikut apa yang dikatakan oleh beliau atas sebab-sebab inilah adanya perasaan ketidak puashati meluas di dalam Tentera Laut Diraja Malaysia, tidak boleh dibiarkan begitu sahaja. Beliau juga mengatakan ada di antara ahli Jawatankuasa Teknikal yang bukan sahaja tidak setuju, malah tidak menyokong yang SPICA-M itu sesuai.

Ahli Yang Berhormat itu telah menimbulkan beberapa sebab-sebab yang dikatakan sebagai alasan mengapa terdapatnya di kalangan Tentera Laut Diraja Malaysia dan juga anggota Jawatankuasa Teknikal perasaan

tidak puashati. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka begitu yakin bahawa adanya perasaan tidak puashati, sedangkan dalam persembahan Lapuran Teknikal mereka tidak ada langsung menggambarkan ataupun membayangkan perasaan ini.

Lembaga Tender telah menimbangkan pendapat Jawatankuasa Teknikal yang 4 jenis kapal daripada 10 yang ditawarkan adalah sesuai dan boleh dipertimbangkan dan pendapat ini yang terdapat dalam Lapuran Teknikal ini adalah disetujui oleh semua ahli jawatankuasa dengan menandatangani lapuran tersebut. Jenis-jenis kapal yang tidak sesuai, samada kerana bentuk, hull peralatannya atau sebarang sebab adalah ditolak sama sekali oleh jawatankuasa ini setelah mendapat segala maklumat yang mereka perlukan. 6 daripada 10 yang ditender telah ditolak sebagai tidak sesuai dan tidak boleh dipertimbangkan lagi. SPICA-M tidak ditolak sebagai tidak sesuai. Malah SPICA-M bersama dengan 3 jenis kapal yang lain dengan peralatan yang dinyatakan adalah didapati sesuai dan boleh diterima. Jawatankuasa Teknikal TLDM sedar atas keadaan, sifat-sifat kapal jenis SPICA-M ataupun peralatan-peralatan seperti yang dipersoalkan oleh Ahli Yang Berhormat itu apabila mereka memutuskan kapal jenis SPICA-M boleh diterima sebagai sesuai. Jika tidak, jawatankuasa Teknikal dalam Lapuran Teknikalnya sudah tentu akan menolak kesesuaian kapal ini, seperti yang telah diputuskannya terhadap 6 tawaran yang lain yang telah ditolak tadi. Jawatankuasa Teknikal mempunyai masa dan kemudahan yang cukup untuk menimbangkan tiap-tiap tawaran seperti yang ditawarkan dan untuk mendapatkan sebarang maklumat untuk keperluannya untuk membuat keputusannya seperti yang terdapat dalam Lapuran Teknikalnya. Oleh itu tidak ada sebarang sebab kenapa keputusan dalam Lapuran Teknikal itu boleh disangkal dan sepatutnya tiada juga sebab kenapa yang mana-mana dipilih di antara 4 tawaran yang dinyatakan sesuai itu boleh dikatakan tidak sesuai kemudiannya.

Atas hakikat inilah yang Lembaga Tender Kementerian Pertahanan telah menimbangkan pilihannya. Lembaga Tender bertindak seterusnya atas pengertian bahawa mana-mana satu di antara 4 yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Teknikal boleh dipilih. Atas hakikat inilah juga Lembaga Tender

bertindak dan atas hakikat ini jugalah saya telah menerangkan sebarang persoalan yang ditimbulkan. Kuasa penentuan ini bukannya kuasa jawatankuasa Teknikal, tetapi adalah kuasa yang hanya terdapat dengan Lembaga Tender, mengikut peraturan-peraturan Kerajaan. Jika tidak mengikut Jawatankuasa Teknikal hanya 3 daripada 10 tawaran didapati sesuai, Lembaga Tender akan memilih mana-mana satu daripada yang 3 tersebut, dan jika tidak 2 sahaja yang sesuai, pilihan Lembaga Tender terhad kepada mana-mana 1 di antara 2 itu. Dalam pembelian ini Jawatankuasa Teknikal telah berpendapat 4 adalah sesuai maka ia telah memilih 1 daripada 4 ini dan yang dipilih, oleh kerana beberapa pertimbangan jatuh kepada SPICA-M. Dakwaan Ahli Yang Berhormat adalah benar jika tidak SPICA-M tidak termasuk di kalangan 4 yang sesuai ini dan Lembaga Tender memilihnya pula.

Seperti yang saya katakan tadi, pada masa Lapuran Teknikal yang mengandungi pendapat bahawa 4 daripada 10 tawaran adalah sesuai semuanya setuju dengan menandatangani. Jika tidak sekarang ada sebarang pendapat pula di kalangan ahli Jawatankuasa Teknikal yang melahirkan Lapuran Teknikal ini yang tidak setuju ini semestinya berlaku selepas wujudnya Lapuran Teknikal. Mengikut Ahli Yang Berhormat ada perasaan ini sekarang. Sesuatu masa yang panjang telah berlaku di antara siapnya Lembaga Teknikal sehingga sekarang. Oleh itu banyak perkara-perkara dan kemungkinan juga telah berlaku setelah semua ahli Jawatankuasa ini membuat penentuan terhadap kesemua tawaran-tawaran yang diterima. Juga kemungkinan-kemungkinan ini berlaku dengan sebab-sebabnya sendiri.

Dalam tempoh ini, tidak ada sebarang keputusan atau maklumat berkenaan pembelian kapal ronda laju ini diumumkan melainkan perkara-perkara dan kepada mereka yang berkenaan sahaja. Di antara peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam tempoh masa yang sama ialah pengumuman persaraan KTTL (Ketua Turus Tentera Laut) yang bermakna berlakunya kelak beberapa perubahan jawatan dalam TLDM.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga telah beberapa kali membangkitkan nama 2 pegawai dalam TLDM dan juga berkata bahawa selain daripada mereka berdua

ini, ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal yang lain mempunyai reservations tentang kapal SPICA-M. Ini adalah suatu tuduhan jahat, seolah-olah mereka berdua ini sahaja di dalam Jawatankuasa Teknikal yang memaksa pendapat mereka ke atas pegawai-pegawai kanan yang lain. Tuduhan-tuduhan seperti ini terutamanya terhadap 2 pegawai Kanan TLDM iaitu seorang Timbalan Ketua Turus Tentera Laut dan seorang lagi Pengarah Kanan Teknikal, TLDM yang tidak dapat memelihara atau membela diri mereka dalam Dewan ini adalah tidak patut sama sekali. Apabila Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menimbulkan nama-nama mereka pada kali pertamanya, saya mendiamkan diri kerana menyangkakan Ahli Yang Berhormat itu tidak sengaja tersebut nama-nama mereka. Tetapi apabila Ahli Yang Berhormat itu mengulangi lagi nama mereka itu, nyatalah ini disengajakan. Mungkin Ahli Yang Berhormat mempunyai maksud-maksud beliau sendiri menimbulkan nama mereka ini. Walau bagaimanapun, mereka ini ditugaskan oleh Ketua Turus Tentera Laut atas jawatan mereka selaku Timbalan Ketua Turus Tentera Laut dan Pengarah Cawangan Teknikal, dan bukannya kerana siapa mereka itu. Jikalau jawatan-jawatan ini dipegang oleh orang-orang lain daripada mereka ini, samada Ahmad, Ali, Ah Kow, Ah Cheoh, Samy atau Lingam, mana-mana dua di antara mereka inilah akan dilantik pula.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Ahli Yang Berhormat menimbulkan nama-nama ini, beliau juga seolah-olah mengasingkan kedua pegawai-pegawai ini dan seterusnya mengene-pikan mereka pula daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal yang lain. Ahli Yang Berhormat juga seolah-olah menuduh dua orang pegawai ini bertindak bebas atau berasingan daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal yang lain. Soal penyertaan mereka dalam Jawatankuasa Kerja Lembaga Tender telah saya terangkan tadi.

Adakah sebab-sebab yang lain yang mendorong Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu tidak kurang dari dua kali menyebut nama-nama dua orang pegawai ini, dan seterusnya dengan tuduhan-tuduhan beliau yang tidak berasas itu mengasingkan mereka pula. Daripada cara-cara Ahli Yang Berhormat itu menimbulkan persoalan-persoalannya nyata adakah udang disebalik batu? Beliau cuba sekarang memihak-mihak-kan pegawai-pegawai dalam Tentera Laut

dan seterusnya, jika Ahli Yang Berhormat dibiarkan, melagakan dua pihak ini iaitu Timbalan Ketua Turus Tentera Laut dan Pengarah Cawangan Teknikal TLDM di satu pihak dan pegawai-pegawai yang lain, samada di dalam Jawatankuasa Teknikal ini, atau di dalam TLDM keseluruhannya di satu pihak lagi. Maksud ini mestilah juga dipandang dalam konteks peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam TLDM sekarang. Adakah ini disengajakan oleh Ahli Yang Berhormat itu? Apakah akan tercapai jikalau terdapat perpecahan dan perlagaan di kalangan pegawai-pegawai kanan TLDM? Adakah pihak-pihak dalam negara kita yang tidak senang hati jikalau TLDM kita sebagai satu perkhidmatan penting dalam Angkatan Tentera terus bersatu padu menentang musuh-musuh negara?

Tuan Yang di-Pertua, peranan penting yang disumbangkan dan pengorbanan besar oleh anggota Angkatan Tentera kita menentang ancaman kominis sekarang disedari dan dihargai oleh mereka yang cintakan Negara. Segala kejayaan sehingga ini untuk membenteras, menghalang dan memusnahkan kegiatan pengganas kominis, samada memburu, menyerang hendap atau menyerbu pengganas-pengganas komunis, menawan kemah-kemah atau kubu-kubu mereka, merampas bekalan makanan daripada tempat-tempat penyorokan mereka, ataupun memberi bantuan kepada usaha-usaha agensi-agensi Kerajaan yang lain mengawal penyeludupan yang boleh menyekat kemasukan barang-barang yang termasuk senjata-senjata, dapat kita capai dengan adanya suatu Angkatan Tentera yang kuat, berdisiplin dan bersatu-padu. Hanya suatu Angkatan Tentera yang bersatu-padu dan berkerjasama rapat dapat menghadapi cabaran-cabaran yang saya sebutkan tadi.

Keazaman Kerajaan menentang kegiatan anti-nasional dan kominis sekarang nyata kita lihat terbukti, selain daripada apa yang dilafazkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan lain-lain pemimpin. Tetapi musuh yang kita hadapi datangnya dengan berbagai rupa, bukannya setakat musang berbulu ayam sahaja. Cara-cara musuh negara menjalani kegiatannya pun berbagai angkara, bukannya setakat musuh dalam selimut sahaja. Tidak berjaya mereka menentang kita cara terbuka dan berhadapan, mereka cuba menjalankan jarum-jarumnya

pula. Mereka cuba mengelirukan masyarakat kita, memecah-belahkan kita dan seterusnya melaga-lagakan kita sehinggakan kita begitu lemah dan tidak berupaya menyusun benteng untuk melawan mereka dan mempertahankan diri kita. Strategi musuh-musuh negara sekarang ini ialah membuat persiapan dalam kemah-kemah kita sendiri dengan melemahkan kita sebelum sebarang "pertempuran".

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan rakan-rakannya yang lain daripada Parti DAP telah menimbulkan berbagai persoalan terhadap Angkatan Tentera kita, samada Tentera Darat, Tentera Udara atau Tentera Laut. Saya sedia menerima sebarang persoalan yang ditimbulkan untuk membaiki keadaan-keadaan yang memerlukan tindakan-tindakan yang sewajarnya. Tetapi saya berharap janganlah ada tujuan-tujuan lain yang boleh merosakkan nama dan moral Angkatan Tentera kita.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah beberapa kali menyebut bahawa pegawai-pegawai atau anggota-anggota dalam TLDM tidak mahu dibandingkan dengan Tentera Darat dan Tentera Udara yang mengikut Ahli Yang Berhormat itu sekarang rosak imagenya kerana skandal masing-masing yang mengikut beliau, "Tentera Darat terkenal untuk keburukan kerana pembelian kereta-kereta Perisai Persendirian Panhard Perancis dan Tentera Udara Diraja Malaysia yang terkenal kerana komisen dan kickbacks yang terlibat dalam pembelian kapal terbang pejuang Northrop F-5E Jet fighters." Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bukan sahaja melaga-lagakan TLDM dengan Tentera Darat dan TLDM dengan Tentera Udara, beliau juga cuba menimbulkan keraguan dan melaga-lagakan anggota di dalam Tentera Darat dan Tentera Udara sendiri. Ketiga-tiga perkhidmatan dalam Angkatan Tentera kita dilibatkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam memperkatakan masalah pembelian kapal ronda laju ini. Seperti yang saya katakan tadi, saya sanggup menerima sebarang persoalan dari manamana Ahli Yang Berhormat jikalau tujuannya adalah membina. Sebaliknya, dengan cara kaitan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu, ianya adalah menghina Tentera Darat dan Tentera Udara kita. Apakah akibatnya jikalau terdapat perpecahan di antara ketiga-tiga perkhidmatan ini, atau perpecahan di

antara ketiga-tiga perkhidmatan ini, atau perpecahan dikalangan mana-mana satu di antara tiga perkhidmatan ini? Kata-kata Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu boleh menimbulkan perpecahan. Adakah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu sengaja cuba menyemaikan benih-benih perosak ke dalam Angkatan Tentera kita? Hanya Ahli Yang Berhormat itu sendiri yang lebih mengetahuinya.

Saya sedar, kita sedar, semua yang cintakan negara sedar dan semua yang cintakan kemakmuran dan keamanan sedar bahawa sebarang perpecahan di kalangan kita akan hanya meruntuhkan negara dan menguntungkan pihak-pihak musuh dan anti-nasional. Apatah lagi keadaannya jikalau ini berlaku di kalangan Angkatan Tentera yang bertungkuslumis, yang tidak mengenali hujan atau panas, siang atau malam, hari perayaan atau tidak untuk berjuang mempertahankan negara. Memangnyanya diketahui umum bahawa inilah taktik-taktik anti-nasional dan komunis di negara kita sekarang—iaitu mewujudkan pecah-belah di antara kita dengan menggunakan berbagai-bagai issue seperti perkauman, ugama dan lain-lain lagi. Jikalau sehingga sekarang ini Angkatan Tentera kita bersatu-padu, adakah pula langkah-langkah baru untuk memecahkan mereka dan untuk siapa?

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat dan Ledang telah menimbulkan tentang kebocoran rahsia. Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan bahawa telah berlaku pembocoran rahsia berkaitan dengan pembelian kapal-kapal ronda jenis SPICA-M sememangnya disedari oleh Kementerian Pertahanan khususnya dan juga Kerajaan pada keseluruhannya. Jika didapati bahawa sebarang kebocoran telah berlaku Kerajaan akan mengambil tindakan yang tegas ke atas pegawai-pegawai yang terlibat dan jika didapati perlu langkah-langkah keselamatan yang ada sekarang akan diketatkan lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Matang telah menimbulkan berkenaan dengan masalah dadah. Kementerian Pertahanan mengambil berat atas apa juga perkara yang boleh melemahkan semangat perjuangan anggota-anggota pasukan keselamatan dan ini termasuklah pangaruh dadah. Segala langkah

sedang diambil untuk mengawasi masalah-masalah ini. Beberapa kursus telah pun dijalankan bagi pegawai-pegawai dan pegawai-pegawai tidak bertauliah kanan (Senior NCOs) untuk membolehkan mereka mengesan, jika ada, apa-apa penyalahgunaan dadah di kalangan anggota-anggota yang berada di bawah jagaan mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Matang juga telah mengesyorkan supaya Kementerian Pertahanan menubuhkan Pusat Latihan Khas bagi melatih perajurit-perajurit yang mengalami kecacatan anggota. Saya ingin mengucapkan terima kasih atas pandangan berat Ahli Yang Berhormat atas kebijaksanaan perajurit-perajurit kita yang mengalami kecacatan anggota akibat dari tugas. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pertahanan sedar bahawa bilangan perajurit-perajurit yang mengalami kecacatan anggota dan memerlukan Rehabilitation Training telah bertambah. Kementerian sendiri sedang mengkaji kemungkinan mengadakan kemudahan-kemudahan Rehabilitation Trainingnya yang sendiri. Dengan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat kita berharap sekiranya ini dapat dilaksanakan tidak lama lagi.

Berkenaan gaji anggota Angkatan Tentera yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tumpat dan Ulu Trengganu, Tuan Yang di-Pertua, memang sudah menjadi amalan sekarang bagi membayar gaji dan elaun-elaun kepada anggota-anggota Tentera yang bersesuaian dengan jenis tugas-tugas yang dijalankan oleh pihak mereka dan sifat-sifat tertentu (peculiarities) yang terdapat di dalam perkhidmatan Angkatan Tentera. Ini adalah juga sebabnya pihak Kerajaan telahpun memutuskan untuk mengkaji secara berasingan gaji, elaun dan syarat-syarat perkhidmatan anggota Angkatan Tentera. Perlulah juga saya menegaskan sekali lagi bahawa kajian yang menyeluruh seperti yang sedang dijalankan sekarang akan memakan masa yang panjang oleh kerana perhatian yang teliti dan mendalam hendaklah diberi kepada tiap-tiap aspek. Oleh kerana Kerajaan memang sudah menduga bahawa perkara ini akan memakan masa, Kerajaan telah dengan ini mengambil langkah untuk membayar elaun interim kepada anggota-anggota lain-lain pangkat sebagai pendahuluan sebelum kenaikan gaji yang dijanjikan akan diterima oleh mereka.

Berkenaan dengan peralatan lapuk digunakan oleh pasukan keselamatan di Sabah seperti yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Silam, Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar kenyataan Ahli Yang Berhormat tersebut bahawa peralatan-peralatan yang digunakan oleh pasukan-pasukan Tentera di Sabah adalah lapuk. Senjata dan alat-alat yang dibekalkan kepada anggota-anggota Tentera yang bertugas di Sabah adalah sama seperti yang diberi kepada anggota-anggota yang bertempat di Semenanjung. Semua kapal-kapal Tentera Laut di Raja Malaysia yang ditugaskan di perairan Sabah adalah operational dan sukacita dimaklumkan bahawa dua buah kapal ronda Tentera Laut Diraja Malaysia sentiasa ditugaskan di perairan Sabah.

Menyentuh tentang perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu, saya sedar adanya mereka yang menjadi ejen tempatan (local agent) untuk barang-barang dibeli oleh Kementerian Pertahanan. Saya juga turut berdukacita adanya ejen tempatan pada barang-barang ini yang tidak menyumbangkan tanggungjawab yang sewajarnya. Tidak hairanlah jikalau ada diantara mereka ini adalah aktif sebelum sesuatu kontrek itu diikat tetapi menghilangkan diri selepasnya terutama apabila ada masalah-masalah yang perlu diatasi. Kementerian Pertahanan sedang menyusun langkah-langkah untuk menghadapi masalah ini.

Ahli Yang Berhormat dari Jasin telah menimbulkan tentang pembelian alatan-alatan tentera yang mengikut beliau tidak boleh digunakan sebelum digunakan. Kementerian Pertahanan sentiasa berhati-hati dalam sebarang pembelian yang dibuatnya dan kita akan terus mengawasi perkara ini. Disamping itu saya berharap mana-mana pihak yang menjadi local agent kepada sebarang alatan yang ditenderkan oleh Kementerian Pertahanan tolonglah lebih berhati-hati memastikan kesesuaian alatan-alatan itu sebelum sanggup menjadi agen atau menonjol-nonjolkan alatan-alatan itu kepada Kementerian Pertahanan. Langkah-langkah ini akan dapat membantu meringankan masalah yang dihadapi oleh Kerajaan amnya dan Kementerian Pertahanan khususnya. Setiap kali Kementerian Pertahanan hendak membeli alat-alat kelengkapan bagi Angkatan Tentera satu Jawatankuasa Teknikal yang terdiri daripada pakar-pakar teknik daripada bahagian yang

berkenaan adalah ditubuhkan untuk menentukan spesifikasi yang diperlukan untuk membolehkan tawaran dipanggil. Tawaran-tawaran yang diterima itu adalah dikaji dengan mendalam oleh Jawatankuasa Teknikal untuk menentukan tawaran yang manakah yang boleh diterima dari segi teknikal. Hanya tawaran-tawaran yang didapati sesuai dari segi teknikal ditimbang oleh Jemaah Tender untuk diterima berdasarkan kepada harga dan pertimbangan-pertimbangan lain seperti tarikh pembekalan, kemudahan mendapat alat-alat ganti dan lain-lain faktor yang berkenaan.

Seperti yang diketahui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat setiap peralatan yang dibeli juga ada perlunya diubahsuaikan untuk memenuhi keperluan-keperluan kita serta keadaan tempatan. Kadangkala kita menghadapi masalah-masalah yang di luar jangkaan akibat pengubahsuaian ini dan langkah-langkah pembetulan terpaksa diambil. Masalah-masalah yang dihadapi itu talahpun diselesaikan dengan memuaskan.

Ahli Yang Berhormat dari Jasin juga telah mencadangkan supaya pasukan Tentera diperbesar. Tuan Yang di-Pertua, kekuatan Angkatan Tentera adalah disesuaikan dengan ancaman yang dihadapi. Kekuatan pasukan keselamatan sekarang adalah mencukupi dan pembesaran-pembesaran yang sesuai talahpun dirancang dan akan dilaksanakan dalam tempoh masa Rancangan Malaysia Ketiga. Demi untuk mempertahankan negara dari ancaman komunis Kerajaan tidak hanya bergantung kepada pasukan Tentera biasa sahaja. Kerajaan sedar bahawa rakyat keseluruhannya perlu dilibatkan secara langsung dalam kegiatan menentang komunis dan juga anasir-anasir jahat yang lain. Dalam tujuan inilah Sekim Rukun Tetangga, Pasukan RELA, Askar Wataniah dan beberapa pasukan-pasukan sukarela lain telah ditubuhkan.

Ahli Yang Berhormat dari Pant, Tuan Yang di-Pertua, telah menimbulkan bahawa Kerajaan tidak memberi galakan kepada pengusaha kapal yang ada di dalam negeri tetapi sebaliknya memberi peluang kepada negara-negara asing. Sebagai salah satu Kementerian yang terlibat dalam hal kegunaan kapal dan mengwujudkan peluang yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu,

saya ingin memberi sedikit penjelasan. Kementerian Pertahanan tidak mengenyepikan atau menutup peluang-peluang penyertaan dalam pembinaan-pembinaan kapal oleh pengusaha atau limbongan-limbongan tempatan. Dalam pembelian kapal ronda laju baru-baru ini suatu pengusaha tempatan telah memasuki tender dan tawarannya didapati sesuai. Dengan ini bermakna ianya diberi taraf dan kedudukan yang sama dengan tiga penender yang lain oleh Kerajaan dan lebih sesuai kedudukan yang lebih baik daripada enam jenis kapal lain yang ditolak itu. Malangnya harga tawaran yang dibuat oleh syarikat tempatan itu adalah \$27 juta lebih mahal daripada harga tawaran yang berjaya. Jelaslah dengan ini Kerajaan tidak dapat mengambil tender syarikat tempatan ini.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ini tidak bermakna bahawa Kementerian Pertahanan tidak memberi peluang kepada pengusaha kapal atau limbongan-limbongan kapal tempatan. Dalam kerja-kerja perkapalan di bawah Kementerian Pertahanan sehingga ini banyak peluang-peluang telah diberi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Pant, sebuah limbongan di utara tanahair sejak tahun 1973 telah diberi beberapa kontrak TLDM berjumlah hampir \$100 juta. Selain daripada sebahagian besar daripada kerja-kerja membaiki atau lebih tepat lagi "fitting and slipping" kapal-kapal TLDM yang dianggarkan yang bernilai di antara \$7 hingga \$10 juta setahun. Ada di antara kerja-kerja yang saya sebutkan tadi masih berjalan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang apabila bercakap tentang pakaian atau uniform yang dipakai oleh pasukan sukarelawati-sukarelawati tentera darat, laut dan udara, telah meminta Kementerian Pertahanan memberi perhatian sungguh-sungguh kepada pendedahan urat oleh sukarelawati-sukarelawati ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan mengambil ingatan atas perkara ini. Saya sendiri sanggup memerhatikan urat terdedah (*Ketawa*) ataupun pendedahan urat ini tetapi saya tidaklah berani dekat sangat untuk memerhatikannya bersungguh-sungguh. Kalau kepala saya tidak pecah, rumah tangga saya yang pecah nanti.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sedikit sebanyak penjelasan yang dapat saya beri atas pandangan-pandangan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Dan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang tidak sempat saya memberi penjelasan atas perkara-perkara yang telah ditimbulkan itu, ini adalah dalam catitan dan ingatan untuk pertimbangan dari satu masa ke satu masa. Akhirnya saya ucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan terhadap Kementerian Pertahanan.

5.54 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Senator Datuk Haji Othman bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ingin hendak memberikan pandangan dan jawapan terhadap beberapa masaalah yang telah ditimbulkan di dalam Dewan ini, iaitu terutama sekali saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus yang telah menyuarakan kebimbangan dan kekhuatiran beliau bahawa di suatu masa nanti akan didapati orang-orang Melayu yang duduk di luar bandar akan berkurangan dan orang-orang yang duduk di dalam bandar akan bertambah, perimbangan ini menurut beliau tentulah akan menjadi tidak sihat.

Bagi menjawabnya, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan adalah menyokong program Perancang Keluarga Negara untuk membantu usaha-usaha pembangunan sosial dan ekonomi negara ini. Ini akan dapat menolong memperbaiki kesihatan ibu dan anak-anak di samping kesihatan keluarga keseluruhannya dan meninggikan taraf hidup serta pendapatan per kapita tiap-tiap sesuatu keluarga itu. Banyak kajian-kajian saintifik telah menunjukkan bahawa kehamilan yang kerap kali telah mengakibatkan kematian ibu-ibu dan penyakit-penyakit yang bersangkutan, dan penyakit yang selalu menyerang kanak-kanak dan juga kematian kanak-kanak banyak berlaku di kalangan keluarga-keluarga yang mempunyai anak-anak yang ramai. Dari itu perancang keluarga memberi nasihat dan panduan supaya kesihatan ibu-ibu dan anak-anak dan kebahagiaan keluarga itu dapat diwujudkan.

Dalam rancangan Malaysia Ketiga aktiviti-aktiviti perancang keluarga telah dirancang untuk menggiatkan perkhidmatan nasihat

di Negara kita ini. Saya ingin menekankan di sini bahawa penerimaan perancang keluarga adalah secara sukarela dan tidak secara paksaan. Rancangan perancang keluarga tidak dirancang untuk mengurangkan kelahiran tetapi adalah menyusun keluarga supaya tiap-tiap keluarga menikmati kesihatan ibu dan anak, penjagaan dan pelajaran yang sempurna untuk anak-anak, mutu makanan harian yang baik, keadaan hidup yang lebih sempurna, melebihi usaha-usaha jimat cermat untuk keluarga dan masa yang lebih boleh ditumpukan kepada keluarga oleh seseorang ibu bagi mencapai kebahagiaan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab beberapa pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan Dakwah, maka saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memandang berat atas kegiatan-kegiatan Dakwah di Negara ini, dan telah memahami bahawa hanya keyakinan beragama yang mendalam sahaja merupakan benteng yang menahan kemaraan fahaman komunis di samping usaha-usaha yang lain dalam bidang ekonomi dan sosial.

Sepanjang yang berkaitan dengan kegiatan Dakwah, Jabatan Perdana Menteri ada mempunyai dua saluran yang besar iaitu:

- (1) Yayasan Dakwah.
- (2) Institute Dakwah.

Tugas Yayasan Dakwah

Tugas Yayasan Dakwah mengikut Perlembagaannya di antara lain-lain:

“Menyokong dari segi kewangan atau selainnya persatuan-persatuan, institusi-institusi dan lain-lain badan yang mempunyai tujuan-tujuan yang sama dengan tujuan-tujuan Amanah itu; dan menyelaraskan, dan menasihatkan mengenai, aktiviti-aktiviti persatuan-persatuan, institusi-institusi dan lain-lain badan itu supaya mencapai kejayaan yang maksima.”

Kegiatan Yayasan Dakwah

Berdasarkan tugas-tugas di atas maka pihak Yayasan Dakwah Islam telahpun berjaya mengadakan satu perjumpaan dengan badan-badan dakwah termasuk Majlis/Jabatan Ugama Islam Negeri-negeri. Perjumpaan tersebut telah menghasilkan suatu persetujuan menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan di

setiap negeri. Kerajaan Negeri atau Jabatan/Majlis Ugama yang berkenaan adalah bertanggungjawab mengetuai badan tersebut yang dianggotai oleh semua badan-badan dakwah yang ada di negeri ini. Buat setakat ini boleh dikatakan penubuhan Jawatankuasa Penyelaras di setiap negeri di negara ini hampir selesai.

Penubuhan ini adalah penting bukan saja sekadar mengadakan kerjasama yang erat di antara badan-badan dakwah dan Jabatan/Majlis Ugama Islam negeri-negeri, tetapi juga membolehkan pihak Yayasan Dakwah mengeluarkan bantuan kepada pemohon-pemohon melalui Jawatankuasa Penyelaras tersebut. Melalui Jawatankuasa Penyelaras inilah Yayasan Dakwah menganjurkan latihan dakwah di setiap negeri. Pada 15hb hingga 19hb November, 1976 ini latihan dakwah tersebut akan diadakan di Kota Kinabalu bagi negeri Sabah yang akan dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah.

Di samping itu Yayasan Dakwah juga telah mengeluarkan buku Ugama Islam yang difikirkan dapat memberi faedah kepada pendakwah-pendakwah dan kepada orang ramai. Buku-buku tersebut di antara lain:

- (i) "Kamus Pengetahuan Islam"—Oleh Hj. Dusuki bin Hj. Ahmad.
- (ii) "Sifat-sifat Pendakwah"—Oleh Yang Berhormat Ustaz Hj. Nik Abd. Aziz bin Haji Nik Mat.
- (iii) "Kenapa Saya Tidak Kristian"—Oleh Yang Berhormat Hj. Nik Abd. Aziz bin Haji Nik Mat.

dan lain-lain lagi buku.

Tugas-tugas penyelarasan dakwah di Negara ini yang dipertanggungjawabkan kepada Yayasan Dakwah akan dapat dilaksanakan dengan sempurna apabila pihak Kerajaan dapat menyalurkan sepenuhnya semua bantuan dakwah yang diberi kepada badan-badan dakwah melalui Yayasan Dakwah tersebut. Dengan demikian, Yayasan Dakwah dengan kerjasama Majlis/Jabatan Ugama Islam Negeri akan dapat mengawal semua kegiatan-kegiatan dakwah di negeri dengan tujuan untuk membentuk masyarakat umat manusia, umat Islam yang diredai oleh Allah.

Pihak Yayasan Dakwah sekarang ini sentiasa membuat pertemuan dari semasa ke semasa dengan pemimpin-pemimpin badan-badan dakwah di negeri ini untuk memastikan cita-cita penyelarasan tersebut dan untuk mengelakkan daripada berlakunya kegiatan dakwah yang menyeleweng.

Perkara yang kedua ialah tugas Institiut Dakwah. Tugas Institiut Dakwah di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu:

- (i) Menjalankan kursus-kursus dakwah dan pimpinan di dalam dan di luar Institiut.
- (ii) Mengadakan kelas pengajian ugama di pejabat-pejabat Kerajaan dan swasta di sekitar Wilayah Persekutuan dan Petaling Jaya.
- (iii) Mengadakan kelas-kelas Bahasa Arab di sekitar Kuala Lumpur.
- (iv) Menjalankan operasi dakwah di seluruh negara dengan kerjasama Majlis/Jabatan Ugama Islam Negeri-negeri dan badan-badan dakwah sukarela dan lain-lain pertubuhan.

(a) *Kursus Dakwah di Institiut*

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tahun 1976 Institiut ini telah menganjurkan sebanyak 20 siri kursus yang disertai oleh berbagai-bagai kumpulan masyarakat Islam dari berbagai badan dan pertubuhan serta Jabatan-jabatan Kerajaan. Di antaranya ialah kumpulan Mahasiswa dari berbagai Universiti, Pegawai-pegawai Polis, Pegawai-pegawai P.T.D., Anggota-anggota P.P.H. dari Unit Senoi Praaq, pelajar-pelajar sekolah dan pendakwah-pendakwah sukarela.

(b) *Kursus Dakwah di luar Institiut*

Institiut Dakwah telah bekerjasama dengan berbagai badan dan pertubuhan serta Jabatan-jabatan Kerajaan bagi menjayakan Kursus Dakwah. Usaha yang diadakan oleh pertubuhan-pertubuhan berkenaan di berbagai tempat.

Sebanyak 31 kursus seumpama ini telah dijayakan oleh Institiut ini dalam tahun ini. Kebanyakan dari kursus tersebut bertempat di Wilayah Persekutuan dan yang lain-lainnya di negeri-negeri Selangor, Perak, Kedah, Perlis, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Trengganu.

(c) *Kursus Bimbingan Hujung Minggu di Institiut*

Sebanyak 5 kursus bimbingan Hujung Minggu telah diadakan pada hari minggu di Institiut ini, iaitu dua kali untuk ahli-ahli Persatuan Kebangsaan Kakitangan Islam Malayan Banking dan sekali untuk murid-murid Sekolah Menengah Jalan Pudu, Kuala Lumpur dan dua kali untuk badan Khairat Kematian Pekerja-pekerja Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Institiut Dakwah telah juga menganjurkan kelas-kelas pengajian ugama di pejabat-pejabat Kerajaan, dan memenuhi permintaan-permintaan pihak-pihak berkenaan melalui badan-badan berkanun serta kelas-kelas ugama pada sebelah malamnya di masjid-masjid dan surau-surau; mengadakan kelas-kelas bahasa Arab mingguan di 12 buah tempatan di Wilayah Persekutuan; dan juga telah mengadakan 280 kali syarahan yang dianjurkan oleh beberapa buah negeri. Mengaturkan siri Kuliah Subuh melalui Radio dua minggu sekali dan lain-lain.

Saya percaya selain dari kedua-dua badan yang di bawah Jabatan Perdana Menteri ini masih banyak badan-badan Dakwah yang ada di tanahair kita yang sedang bergiat dalam jurusan tersebut seperti PERKIM, JAMIKYAH DAKWAH ISLAMIAH, ABIM dan lain-lain lagi.

Tetapi kegiatan-kegiatan mereka itu kadangkala tidak seragam dan tidak dikoordinasikan. Apa yang menjadi cita-cita kita ialah semua badan-badan Dakwah ini dapat bekerjasama dan dapat meletakkan satu asas yang kokoh bagi mencapai tujuan Dakwah itu.

Saya tidak dapat membutirkan satu demi satu daripada kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh Institiut Dakwah dan Yayasan Dakwah Jabatan Perdana Menteri, baik di dalam Institiut sendiri atau di luar Institiut oleh kerana kegiatan-kegiatan Institiut ini terlalu luas. Walau bagaimanapun adalah menjadi niat dan cita-cita Jabatan Perdana Menteri supaya Institiut Dakwah di Pusat Islam itu akan dapat diperkemas dan dipertinggi kegiatannya lebih daripada tahun-tahun yang sudah bagi menghadapi tahun 1977.

Saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa bagi mempertebal semangat dan iman umat Islam adalah suatu kewajipan yang dipikul bukan sahaja kepada Institiut Dakwah atau Yayasan Dakwah tetapi menjadi tanggungjawab bersama di antara para ulama^{*}, cerdik pandai dan orang-orang perseorangan dari umat Islam yang mencintai dan memahami ajaran ugama yang suci ini. Kerjasama dari semua pihak adalah sangat diharapkan supaya kegiatan-kegiatan dakwah di dalam negara kita ini dapat diseragamkan dan dikoordinasikan dalam bentuk susunan dan sasaran yang hendak dituju.

Menentang fahaman kominis tidak cukup hanya dengan kekuatan senjata semata-mata dan tidak cukup dengan jumlah bala tentera sahaja; tetapi perjuangan menentang kominis selain daripada kekuatan senjata dan jumlah angkatan tentera dan pasukan keselamatan yang berlipat ganda serta alat-alat yang moden maka di atas semuanya ini hendaklah juga ditanamkan semangat Islam, semangat jihat, semangat cintakan ugama dan tanahair, semangat mempertahankan kebenaran dan keadilan, semangat mempertahankan yang hak. Ini tidak akan dapat dicapai melainkan badan-badan dakwah yang dipelopori oleh Yayasan Dakwah dan Institiut Dakwah ini hendaklah memperhebat kegiatannya dan menyusun tenaga bagi tujuan tersebut.

Di samping kita berhadapan dengan kominis, kita juga sedang berhadapan dengan fahaman-fahaman yang mengelirukan di dalam masyarakat Islam yang kononnya berlandaskan kepada dakwah dan ajaran ugama, Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan masalah-masalah tersebut dan apa yang disebut pengajaran ugama yang salah di negara ini dan Ahli-ahli Yang Berhormat telah meminta supaya tindakan dijalankan. Saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa tugas-tugas seperti ini adalah tugas di setiap negeri di mana Jabatan-jabatan Ugama Islam atau Majlis-majlis Hal Ehwal Ugama Islam Negeri-negeri mempunyai kuasa yang mutlak dalam mengawasi segala kegiatan-kegiatan yang boleh meruntuhkan hakikat Islam yang sebenarnya dan ini semuanya terserahlah kepada mereka untuk bertindak mengikut undang-undang yang ada pada mereka bagi membenteras usaha-usaha penyelewengan dalam ajaran ugama Islam itu.

Apa yang dapat dilakukan oleh Jabatan Perdana Menteri dalam hal ini ialah untuk memberi nasihat kepada negeri-negeri yang berkenaan dan memberi pertolongan jika dikehendaki untuk menyiasat dan menyelidiki ajaran-ajaran salah yang telah menjadi rungutan-rungutan Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Saya juga menggesa Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat memberikan kerjasama kepada Jabatan-jabatan Ugama Islam Negeri-negeri dan juga kepada Pusat Islam di Jabatan Perdana Menteri bagi mengatasi sebarang kemusykilan atau kekeliruan yang ditimbulkan di sesebuah negeri itu. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan yang membina dengan harapan terhadap kegiatan-kegiatan Instituit Dakwah dan Yayasan Dakwah seperti yang telah kita dengar itu dapat dijalankan.

Kebakaran Kapal Haji Malaysia Raya

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada masalah yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Jasin Melaka yang telah meragukan tentang kebakaran Kapal Haji Malaysia Raya baru-baru ini. Saya suka menegaskan di sini bahawa kapal haji Malaysia Raya adalah kepunyaan Syarikat Great Malaysia Line dan syarikat ini tidak ada kena mengena dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji dalam pentadbirannya atau permodalannya. Syarikat GML dan Lembaga Urusan dan Tabung Haji hanya telah mengadakan persetujuan mengikut kontrak bagi mengangkut Jumaah-jumaah Haji dari Malaysia yang diuruskan oleh LUTH menaikan Fardhu Haji mereka ke Mekah; dan kemudian mengangkut Jumaah-jumaah Haji itu pulang ke tanahairnya.

Selain daripada kontrak yang telah dibuat di antara LUTH dan GML, maka LUTH tidaklah bertanggungjawab di atas sebarang kejadian yang berlaku di atas syarikat itu, terutama dalam masa Kapal Haji Malaysia Raya terbakar baru-baru ini.

Saya telah mengadakan perundingan dengan syarikat tersebut dan juga LUTH atas kejadian ini dan pihak syarikat GML telah memberi pengakuan bahawa jumaah-jumaah

haji Malaysia akan tetap diangkut oleh kapal Syarikat GML "Ratu Timur" seperti yang telah Yang Berhormat ketahui dan telahpun sampai ke tanah suci.

Berhubung dengan sebab-musebab berlakunya kebakaran Malaysia Raya di Pelabuhan Air Dalam, Pelabuhan Kelang itu adalah menjadi tanggungjawab pihak yang berkenaan membuat penyiasatan ke atasnya. Saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa selain daripada hasil-hasil penyiasatan yang dilakukan atas sebab-sebab terbakar kapal tersebut, juga janganlah kita lupa bahawa sebarang kejadian samada baik atau buruk adalah, dengan kehendak Allah, sekalipun Ahli Yang Berhormat tidak berapa gemar mendengar alasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan jawapan-jawapan yang saya kemukakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas perkara-perkara yang telah ditimbulkan dalam perbahasan Belanjawan pada kali ini, saya sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih.

6.10 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi ulasan-ulasan serta cadangan-cadangan mengenai Kementerian Penerangan.

Pertamanya, perkara-perkara yang menyentuh Jabatan Penyiaran. Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah mencadangkan supaya RTM mengalih-suarkan rancangan-rancangan bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rancangan-rancangan bahasa Inggeris yang ada sekarang hanya merupakan 47% sahaja dan adalah tidak menjadi dasar Kementerian untuk mengalih-suarkan drama-drama Inggeris tetapi sentiasa menyediakan sarikatanya dalam Bahasa Malaysia. Mengenai syor Ahli Yang Berhormat untuk mengulang siaran rancangan-rancangan ugama, sukacita dimaklumkan bahawa semua rancangan-rancangan ugama ada diulangkan siarannya. Ahli Yang Berhormat juga telah mengesyorkan supaya pemegang kedua dan ketiga dalam pertandingan anjuran RTM diberi peluang membuat rakaman. Kementerian ini akan mengambil ingatan dan kajian selanjutnya."

Tambahan kepada rancangan tempatan adalah bergantung kepada keadaan kemudahan yang ada dalam segala bidang penerbitan. Walaupun demikian, suka saya menyatakan bahawa peluang sentiasa diberi kepada bakat-bakat tempatan yang muncul dalam pertandingan-pertandingan RTM untuk menyertai rancangan-rancangan hiburan RTM.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah menyentuh beberapa perkara mengenai rancangan-rancangan RTM. Pertamanya, cadangan untuk mengubah waktu siaran rancangan larut malam ke pukul 10.00 malam supaya kanak-kanak sekolah dapat menontonnya. Syor ini kita ucapkan terima kasih. Jika sekiranya rancangan ini disiarkan pada pukul 10.00 malam, maka ia tidak boleh dinamakan siaran larut malam lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Awal malam (*Ketawa*).

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Ya, awal malam. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum hanya ada dua sahaja siaran larut malam dalam seminggu. Siaran larut malam yang pertama pada hari Khamis malam Jumaat adalah ditujukan kepada negeri-negeri yang cuti hujung minggunya jatuh pada hari Jumaat. Manakala siaran larut malam kedua pada hari Sabtu malam Ahad ditujukan kepada negeri-negeri yang cuti hujung minggunya jatuh pada hari Ahad. Oleh itu tidaklah menjadi masalah atau kesukaran bagi kanak-kanak di negeri-negeri berkenaan menonton rancangan ini. Berkenaan dengan tambahan masa untuk Rancangan 30 minit, adalah difikirkan menasabah Rancangan 30 minit buat sementara ini. Walau bagaimanapun Kementerian ini mengambil perhatian atas cadangan ini dan akan diberi pertimbangan dimasa hadapan jika didapati perlu ditambahkan masa siarannya.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Parit juga untuk menapis sekerip-sekerip segala rancangan RTM, adalah dimaklumkan bahawa kajian dan penapisan atas semua sekerip-sekerip sentiasa dijalankan tetapi ada kalanya dalam rancangan-rancangan hiburan khususnya rancangan-rancangan jenaka, kata-kata yang dikeluarkan tidak didapati dalam

sekerip. Walau bagaimanapun Kementerian ini sentiasa mengambil tindakan memperketatkan lagi kawalan atas rancangan-rancangan seperti ini.

Mengenai syor Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, saya ingin menyatakan bahawa RTM sentiasa berhati-hati dalam menyiarkan sebarang berita, lapuran atau kenyataan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat rancangan temuduga dengan Samad Ismail telah diterbitkan dan disiarkan atas keputusan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan telah dikaji dan ditapisikan oleh Kementerian tersebut terlebih dahulu.

Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa telah menjelaskan bahawa dalam usaha untuk menyekat fahaman kominis di kalangan rakyat, alat sebaran am seperti RTM boleh membantu Kerajaan, umpamanya dengan memberi penerangan dalam rancangan-rancangan yang bercorak ugama. Ya, Kementerian Penerangan memang menyedari hal ini dan sedang giat dalam melancarkan penerangan sebagai tugasnya menyampaikan media Kerajaan untuk menyekat fahaman kominis di kalangan rakyat. Menerusi Jabatan Penerangan, misalnya semua pegawai luar dan pegawai-pegawai khas bersama alat dan yunit-yunit penerangan kita bergerak keseluruh pelusuk tanah-air dan ada juga pegawai-pegawai khas kita yang hadir berceramah di dewan-dewan kampung, berceramah di surau-surau dan juga di masjid-masjid di luar bandar termasuklah taklimat dan penerangan keselamatan atau kursus-kursus keselamatan yang diadakan kepada persatuan-persatuan belia, persatuan-persatuan pelajar, Jawatankuasa Kemajuan Kampung, Ketua Kampung, badan-badan siasah, Imam-imam dan pegawai-pegawai masjid, guru-guru dan para-para alim-ulama.

Menerusi RTM, iaitu menerusi radio dan talivisyen sentiasa berusaha dan menerbitkan berbagai rancangan. Di antara rancangannya ialah rancangan "Pembangunan" yang dimasukkan juga dalam masalah-masalah dakwah, menerangkan perkara-perkara yang berlaku harian termasuk peristiwa, di dalam derama juga diunsurkan dengan unsur-unsur dakwah yang kesemuanya sedang diserap dengan unsur-unsur dakwah atau pengembangan syiar Islam sebagai usaha menyekat fahaman kominis.

Dalam talivisyen juga ada rancangan 'Cahaya' iaitu penerbitan ceramah ada juga berupa forum, tafsir, soal-jawab dan bagi melanjutkan kepada kanak-kanak juga panduan ibadah sedang dijayakan di dalam talivisyen termasuk latihan sembahyang dan sedang disusun sekarang ini bagi memperkuatkan akidah anak-anak kita termasuklah dalam usaha mengajar muqadam yang akan diadakan di talivisyen tidak lama lagi. Untuk siaran talivisyen dalam bahasa Inggeris dinamakan "Pedoman". Ini ialah khusus rancangan dakwah dan untuk dalam bahasa Tamil dinamakan rancangan "Assalamualaikum" dan untuk dalam bahasa Mandarin dinamakan rancangan "Iman". Dalam radio pula termasuklah usaha-usaha kita mengadakan kuliah subuh bersama dengan Yayasan Dakwah Islamiah ataupun Bahagian Instituti Dakwah dan Latihan Islam dan rancangan kita terus-menerus sepanjang hari termasuk perkara-perkara "Renongan Sepintas Lalu" misalnya di pagi-pagi hari jikalau selepas subuh. Ini adalah dimasukkan dengan syarahan-syarahan yang boleh menyerapkan ke jiwa dan sanubari seluruh rakyat kita memperingatkan dalam masalah-masalah keselamatan, lebih-lebih lagi dalam masalah usaha mengekalkan akidah dan pegangan Islam terhadap penentangan kominis. Bacaan Quran dan tafsirannya dan di waktu tengah malam di antara perubahan rancangan tengah malam kita namakan rancangan "Berkat Illahi". Radio kita juga akan mengadakan pertandingan Nasyid yang telah diisytiharkan ke seluruh negara. Tujuannya juga untuk melahirkan nasyid-nasyid yang berunsurkan dakwah yang boleh memberi nasihat kepada masyarakat Islam khususnya di dalam membangunkan negara dan menentang faham kominis dengan akidah dan iman yang kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Jabatan Penerangan juga, Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat telah mencadangkan supaya bangunan-bangunan dan Yunit-yunit bergerak yang lama digantikan dengan bangunan-bangunan baru dan kelengkapan-kelengkapan yang baru. Pada masa ini, Jabatan Penerangan sedang berusaha mengadakan bangunan-bangunan sendiri yang baru di negeri-negeri dan di daerah-daerah. Sehingga hari ini, Jabatan Penerangan telahpun mendirikan 9 buah Pejabat baru sendiri, iaitu di Baling, Kedah; Jasin, Melaka;

Banting, Selangor; Tanah Merah, Bacok, Tumpat, Pasir Mas dan Pasir Putih, Kelantan; Besut, Trengganu; dan sebanyak 20 buah lagi dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Begitu juga alat-alat kelengkapan yunit-yunit bergerak adalah diganti dengan alat-alat baru dari semasa ke semasa. Berhubung dengan pensyarah-pensyarah dari Jabatan-jabatan atau Badan-badan yang lain, sebenarnya menjadi amalan Jabatan Penerangan bekerjasama dengan Jabatan-jabatan dan Badan-badan sukarela yang lain dan menjemput mereka bersamasama pegawai-pegawai penerangan untuk memberi syarahan-syarahan kepada orang ramai seperti kursus-kursus pembangunan sivik, tatarakyat, dailog jaya diri, kursus penerangan keselamatan dan lain-lain.

6.20 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun untuk membuat syor-syor, pandangan-pandangan dan teguran-teguran berhubung dengan masalah pelajaran di negara ini ketika membahaskan dasar mengenai belanjawan sejak beberapa hari yang lalu. Walau bagaimanapun, saya dapati kebanyakan daripada perkara-perkara yang dibangkitkan itu adalah perkara-perkara lama yang mana Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran dan saya telahpun samada mengulas ataupun memberi jawapan semasa menjawab pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan mulut dan juga semasa Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran dan saya mengulas perkara-perkara yang telah dibangkitkan pada masa-masa yang lalu. Oleh itu saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada perkara-perkara yang telah dikatakan di Dewan ini dan saya bercadang hanya untuk mengulas perkara-perkara yang mana saya rasa belum di perkatakan lagi di Dewan yang mulia ini.

Sejak beberapa hari yang lepas beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah bercakap tentang betapa pentingnya pelajaran agama Islam di institusi-institusi pelajaran termasuk universiti-universiti. Ahli-ahli Yang Berhormat itu telah menekankan betapa pentingnya pelajaran agama kepada pelajar-pelajar bukan sahaja dari aspek ibadat malah

menitikberatkan dalam aspek-aspek lain mengenai ugama Islam seperti ekonomi, moral, sosial dan sebagainya. Kementerian Pelajaran memang menyedari akan hakikat perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu dan untuk tujuan itu Kementerian Pelajaran telahpun bersetuju menubuhkan sebuah jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Bimbingan Ugama kepada pelajar-pelajar berugama Islam di Yayasan Pelajaran yang tujuannya di antara lain adalah untuk mengkaji:

- (i) Perlaksanaan pelajaran ugama di sekolah-sekolah;
- (ii) Bimbingan ugama Islam di Yayasan Pelajaran Tinggi terutama bagi mereka yang melanjutkan pelajaran keluar negeri;
- (iii) Membuat syor-syor untuk dapat meningkatkan lagi taraf akhlak dan pendidikan ugama kepada pelajar-pelajar itu samada di dalam dan di luar negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa ini telahpun siap membuat laporannya dan sekarang Kementerian sedang mengkaji dengan telitinya laporan tersebut samada syor-syor yang dibuat oleh Jawatankuasa tersebut dapat diterima dan seterusnya dilaksanakan.

Mengenai pengambilalihan sekolah-sekolah ugama daripada Kerajaan-kerajaan Negeri sukacita saya menyatakan bahawa tindakan-tindakan yang perlu telahpun hampir selesai dijalankan. Usaha-usaha juga telah diambil supaya pengambilalihan ini dapat disempurnakan dengan secepat mungkin dan akan diisytiharkan manakala perkara ini selesai tidak berapa lama lagi. Di dalam hubungan ini sukacitalah saya menegaskan di sini bahawa pengambilalihan beberapa sekolah ugama dari setengah-setengah Kerajaan Negeri ini adalah melibatkan jua soal-soal pentadbiran, perjawatan, kewangan, pembangunan dan sebagainya. Untuk menyelesaikan perkara-perkara yang saya nyatakan itu tentulah mengambil masa dan tidak dapat diselesaikan dalam satu jangka masa yang pendek. Apa yang diharapkan adalah pengambilalihan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya tanpa sebarang rasa tidak puas hati di kalangan pihak-pihak yang terlibat. Oleh itu untuk tujuan ini semua aspek pengambilalihan itu harus dikaji dan dipertimbangkan dengan telitinya. Setakat ini Kementerian ini telah mendapat kerjasama

yang sepenuhnya daripada pihak-pihak yang terlibat dan adalah dijangkakan pengambilalihan itu dapat dilaksanakan sebagaimana yang dijangkakan.

Berkenaan dengan cadangan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok supaya ditubuhkan sebuah Majlis Pendidikan Islam Malaysia yang ditadbirkan oleh Kementerian Pelajaran, saya berpendapat bahawa majlis tersebut tidaklah begitu perlu untuk diadakan buat masa ini kerana tujuan penubuhan majlis tersebut sudah terkandung di dalam tujuan penubuhan Jawatankuasa Bimbingan Ugama Kepada Pelajar-pelajar Berugama Islam di Yayasan Pelajaran sebagaimana saya nyatakan di atas. Begitu juga berhubung dengan penubuhan Lembaga Peperiksaan untuk sekolah-sekolah ugama di bawah Kementerian Pelajaran, sekali lagi saya rasa perkara ini tidak perlu kerana Lembaga Peperiksaan yang sedia ada sekarang telah dan sedang menjalankan tugas-tugas tersebut. Menyentuh tentang Maktab Islam juga inginalah saya menyatakan di sini bahawa usaha-usaha sedang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran supaya penubuhan Maktab tersebut dapat dilaksanakan dan dimulakan pada tahun 1977 akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah membangkitkan beberapa perkara mengenai pelajaran di negeri Perlis. Beliau telah membangkitkan mengenai maktab perguruan di negeri itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Pelajaran tidak akan menutup maktab perguruan sementara yang dijalankan di Sekolah Menengah Derma pada masa ini sehingga suatu masa yang ditentukan iaitu apabila 4 buah maktab baru yang dibiayai dari pinjaman Bank Dunia siap kelak dan boleh digunakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran telah mengadakan 4 buah maktab sementara iaitu di Kuala Lumpur, Kuantan, Pulau Pinang dan Perlis, sementara menanti siapnya 4 buah maktab baru yang boleh menampung kira-kira 3,200 orang pelajar-pelajar. 4 buah maktab yang dibiayai dari pinjaman Bank Dunia itu akan dibina di Ipoh, Kuantan, Sungai Petani dan Kuala Trengganu. Saya rasa maktab yang akan dibina di Sungai Petani itu akan dapat jua menampung keperluan perguruan di negeri Perlis. Oleh yang demikian saya rasa keperluan untuk membina sebuah maktab yang berasingan di Perlis tidaklah begitu mendesak untuk sementara waktu ini.

Ahli Yang Berhormat berkenaan telah juga membangkitkan perkara di mana di dalam beberapa aspek pentadbiran di Perlis dicantumkan dengan negeri Kedah termasuklah di dalam bidang pelajaran. Beliau telah menyatakan walaupun negeri Perlis mempunyai Pengarah Pelajarannya sendiri tetapi di dalam beberapa aspek Pejabat Pelajaran Kedah menguasai negeri Perlis. Untuk mengulas perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu inginlah saya menegaskan di sini bahawa pegawai-pegawai yang ditempatkan di Pejabat Pelajaran Kedah tetapi menjalankan urusan Kedah/Perlis ialah, Penyelia Sains, Pegawai Perpustakaan, dan Pegawai Ugama Islam sahaja—tidak pengarah. Pegawai-pegawai tersebut menjalankan urusan di Perlis melalui persetujuan dan perundingan dengan Pengarah Pelajaran Perlis sendiri. Mengenai pembayaran elaun atau tuntutan perjalanan sebagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, ini hanya dapat dibuat selepas pegesahan daripada Pengarah Pelajaran Perlis. Oleh yang demikian tidaklah benar sungutan Ahli Yang Berhormat itu yang mengatakan Pengarah Pelajaran Kedah yang mengarahkan pegawai itu bekerja untuk Perlis sahaja

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Tuan Chan Siang Sun: 5 minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau 5 minit lagi kena sambung pada hari Isnin. Saya tidak boleh bertolak-ansur waktu di sini.

Tuan Chan Siang Sun: Boleh saya habiskan?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh!

Tuan Chan Siang Sun: Maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka memaklumkan apabila Dewan ini beredar pindah berbahas dalam Jawatankuasa kelak, selepas daripada Jabatan Perdana Menteri saya akan menjemput Yang Berhormat Menteri Luar Negeri mengemukakan Kepala B. 31 dan P. 31. Jadi, saya memberi makluman lebih dahulu lagi supaya sekiranya ada Ahli-ahli Yang Berhormat berminat hendak mengambil bahagian berbahas di bawah Kepala termaklum B. 31 dan P. 31, bolehlah membuat persediaan awal sedikit.

Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 15hb November, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.